



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KHAS**

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN DARIPADA TUAN YANG DI-PERTUA:

- Kajian Separuh Penggal RMKe-12
- Ahli Parlimen Kuala Terengganu Mengangkat Sumpah
- Ucapan Takziah Kepada Keluarga Allahyarham Datuk Seri Haji Salehuddin Ayub
- Kod Pakaian Untuk Ahli dan Para Pegawai Di Dewan Rakyat

(Halaman 1)

USUL PERDANA MENTERI DI BAWAH P.M. 27(3)

- Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (2023-2025)

(Halaman 10)

**KEHADIRAN AHLI-AHLI PARLIMEN
11 SEPTEMBER 2023**

Ahli-Ahli Yang Hadir:

1. Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Tan Sri Dato' Johari bin Abdul
2. Perdana Menteri Dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim (Tambun)
3. Timbalan Perdana Menteri Dan Menteri Kemajuan Desa Dan Wilayah, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi (Bagan Datuk)
4. Menteri Pengangkutan, Tuan Loke Siew Fook (Seremban)
5. Menteri Pertanian Dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Haji Mohamad Bin Sabu (Kota Raja)
6. Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Haji Mohamed Khaled Bin Nordin (Kota Tinggi)
7. Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi, Tuan Chang Lih Kang (Tanjong Malim)
8. Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang Dan Reformasi Institusi), Dato' Sri Azalina Othman Said (Pengerang)
9. Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak Dan Tugas-Tugas Khas), Datuk Armizan Bin Mohd Ali (Papar)
10. Menteri Pendidikan, Puan Fadhlina Binti Sidek (Nibong Tebal)
11. Menteri Komunikasi Dan Digital, Tuan Ahmad Fahmi Bin Mohamed Fadzil (Lembah Pantai)
12. Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Seri Haji Ahmad Bin Haji Maslan (Pontian)
13. Timbalan Menteri Kewangan, Tuan Sim Chee Keong (Bukit Mertajam)
14. Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Haji Hasbi Bin Haji Habibollah (Limbang)
15. Timbalan Menteri Pertanian Dan Keterjaminan Makanan, Tuan Chan Foong Hin (Kota Kinabalu)
16. Timbalan Menteri Ekonomi, Dato Hajah Hanifah Hajar Taib (Mukah)
17. Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Sri Haji Abdul Rahman Bin Mohamad (Lipis)
18. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah (Lenggong)
19. Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan Dan Industri, Tuan Liew Chin Tong (Iskandar Puteri)
20. Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Mohammad Yusof Bin Bin Apdal (Lahad Datu)
21. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Dato' Ramli Bin Dato' Mohd Nor (Cameron Highlands)
22. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Puan Alice Lau Kiong Yieng (Lanang)
23. Timbalan Menteri Perladangan Dan Komoditi, Datuk Hajah Siti Aminah Binti Aching (Beaufort)
24. Menteri Ekonomi, Tuan Mohd Rafizi Bin Ramli (Pandan)
25. Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, Tuan Nga Kor Ming (Teluk Intan)
26. Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim, Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Setiawangsa)
27. Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi, Datuk Ewon Benedick (Penampang)
28. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Nancy Shukri (Santubong)
29. Menteri Sumber Manusia, Tuan Sivakumar A/L Varatharaju Naidu (Batu Gajah)
30. Menteri Belia Dan Sukan, Puan Hannah Yeoh (Segambut)
31. Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Binti Mustafa (Sekijang)
32. Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, Tuan Akmal Nasrullah Bin Mohd Nasir (Johor Bahru)
33. Timbalan Menteri Pertahanan, Tuan Haji Adly Bin Zahari (Alor Gajah)
34. Timbalan Menteri Kemajuan Desa Dan Wilayah, Datuk Hajah Rubiah Binti Haji Wang (Kota Samarahan)

35. Timbalan Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi, Datuk Arthur Joseph Kurup (Pensiangan)
36. Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang Dan Reformasi Institusi), Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh (Bukit Gelugor)
37. Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat, Puan Aiman Athirah Binti Sabu (Sepang)
38. Timbalan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim, Dato' Sri Huang Tiong Sii (Sarikei)
39. Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Mohamad Alamin (Kimanis)
40. Timbalan Menteri Komunikasi Dan Digital, Puan Teo Nie Ching (Kulai)
41. Timbalan Menteri Pendidikan, Puan Lim Hui Ying (Tanjong)
42. Timbalan Menteri Sumber Manusia, Tuan Mustapha @ Mohd Yunus Bin Sakmud (Sepanggar)
43. Timbalan Menteri Kesihatan, Tuan Lukanisman Bin Awang Sauni (Sibuti)
44. Tuan Zahir Bin Hassan (Wangsa Maju)
45. Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj (Segamat)
46. Datuk Suhaimi Bin Nasir (Libaran)
47. Datuk Ir. Shahelmey Bin Yahya (Putatan)
48. Dato' Sri Sh Mohmed Puzi Bin Sh Ali (Pekan)
49. Tuan Haji Aminolhuda Bin Hassan (Sri Gading)
50. Tuan Manndzri Bin Nasib (Tenggara)
51. Tuan Tan Kar Hing (Gopeng)
52. Tuan Chow Yu Hui (Raub)
53. Datuk Andi Muhammad Suryady Bin Bandy (Kalabakan)
54. Tuan Lee Chean Chung (Petaling Jaya)
55. Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Klang)
56. Tuan Syahredzan Bin Johan (Bangi)
57. Puan Rodziah Binti Ismail (Ampang)
58. Tuan Mohd Sany Bin Hamzan (Hulu Langat)
59. Tuan Azli Bin Yusof (Shah Alam)
60. Tuan Jimmy Puah Wee Tse (Tebrau)
61. Tuan Haji Onn Bin Abu Bakar (Batu Pahat)
62. Dato' Mohd Isam Bin Mohd Isa (Tampin)
63. Dato' Haji Adnan Bin Abu Hassan (Kuala Pilah)
64. Dato' Haji Shamsulkahar Bin Mohd Deli (Jempol)
65. Tuan Edwin Anak Banta (Selangau)
66. Tuan Richard Rapu @ Aman Anak Begri (Betong)
67. Puan Young Syefura Binti Othman (Bentong)
68. Puan Syerleena Binti Abdul Rashid (Bukit Bendera)
69. Tuan Lo Su Fui (Tawau)
70. Tuan Roy Angau Anak Gingkoi (Lubok Antu)
71. Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli (Batang Lupar)
72. Tuan Chong Zhemini (Kampar)
73. Tuan Lee Chuan How (Ipoh Timor)
74. Dr. Mohammed Taufiq Bin Johari (Sungai Petani)
75. Dato' Sri Doris Sophia Anak Brodi (Sri Aman)
76. Tuan Riduan Bin Rubin (Tenom)
77. Dato' Verdon Bin Bahanda (Kudat)
78. Puan Rodiyah Binti Sapiee (Batang Sadong)
79. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail (Bandar Tun Razak)
80. Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob (Bera)
81. Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
82. Datuk Seri Panglima Haji. Mohd. Shafie Bin Haji. Apdal (Semporna)
83. Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam)
84. Dato' Seri Hishammuddin Bin Tun Hussein (Sembrong)
85. Tuan Syed Saddiq Bin Syed Abdul Rahman (Muar)
86. Tuan Gobind Singh Deo (Damansara)
87. Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
88. Tuan M. Kulasegaran (Ipoh Barat)

89. Tuan Chow Kon Yeow (Batu Kawan)
90. Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
91. Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem (Serian)
92. Datuk Seri Saravanan A/L Murugan (Tapah)
93. Dato' Seri Amirudin Bin Shari (Gombak)
94. Datuk Seri Dr. Noraini Binti Ahmad (Parit Sulong)
95. Datuk Seri Johari Bin Abdul Ghani (Titiwangsa)
96. Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
97. Datuk Seri Jalaluddin Bin Alias (Jelevu)
98. Dr. Kelvin Yii Lee Wuen (Bandar Kuching)
99. Tuan Chong Chieng Jen (Stampin)
100. Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien (Julau)
101. Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly Bin Ahmad (Kuala Selangor)
102. Puan Yeo Bee Yin (Puchong)
103. Puan Isnaraissah Munirah Binti Majilis (Kota Belud)
104. Tuan Hassan Bin Abdul Karim (Pasir Gudang)
105. Tuan Wong Chen (Subang)
106. Datuk Seri Panglima Madius Tangau (Tuaran)
107. Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
108. Datuk Seri Panglima Gapari Bin Katingan @ Geoffrey Kitingan (Keningau)
109. Datuk Willie Anak Mongin (Puncak Borneo)
110. Dato' Ngeh Koo Ham (Beruas)
111. Puan Wong Shu Qi (Kluang)
112. Puan Vivian Wong Shir Yee (Sandakan)
113. Datuk Seri Panglima Bung Moktar Bin Radin (Kinabatangan)
114. Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng (Tanjung Piai)
115. Dato' Indera Mohd Shahar Bin Abdullah (Paya Besar)
116. Datuk Seri Utama Ir. Hasni Bin Mohammad (Simpang Renggam)
117. Tuan Oscar Ling Chai Yew (Sibu)
118. Tuan Chiew Choon Man (Miri)
119. Tuan Kesavan A/L Subramaniam (Sungai Siput)
120. Tuan Lim Lip Eng (Kepong)
121. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji (Jelutong)
122. Tuan Wong Kah Woh (Taiping)
123. Tuan Sim Tze Tzin (Bayan Baru)
124. Tuan Syed Ibrahim Bin Syed Noh (Ledang)
125. Tuan Haji Yusuf Bin Abd Wahab (Tanjong Manis)
126. Tuan Haji Ahmad Johnie Bin Zawawi (Igan)
127. Dato' Henry Sum Agong (Lawas)
128. Dato Anyi Ngau (Baram)
129. Tuan Prabakaran A/L M. Parameswaran (Batu)
130. Tuan Khoo Poay Tiong (Kota Melaka)
131. Tuan Pang Hok Liong (Labis)
132. Tuan Cha Kee Chin (Rasah)
133. Datuk Wetrom Bin Bahanda (Kota Marudu)
134. Tuan Ahmad Fadhli Bin Shaari (Pasir Mas)
135. Tuan Wan Ahmad Fayhsal Bin Wan Ahmad Kamal (Machang)
136. Tuan Haji Abdul Latiff Bin Abdul Rahman (Kuala Krai)
137. Dato' Sri Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib (Maran)
138. Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli (Dungun)
139. Dato' Mohd Suhaimi Bin Abdullah (Langkawi)
140. Tuan Sabri Bin Azit (Jerai)
141. Dato' Syed Abu Hussin Bin Hafiz Syed Abdul Fasal (Bukit Gantang)
142. Dr. Hajah Halimah Ali (Kapar)
143. Tuan Shaharizukirnain Bin Abd Kadir (Setiu)
144. Tuan Haji Kamal Bin Ashaari (Kuala Krau)
145. Tuan Haji Bakri Bin Jamaluddin (Tangga Batu)
146. Tuan Mohd Nazri Bin Abu Hassan (Merbok)
147. Tuan Muhammad Fawwaz Bin Mohamad Jan (Permatang Pauh)

148. Dr. Siti Mastura Binti Muhammad (Kepala Batas)
149. Kapten Azahari Bin Hasan (Padang Rengas)
150. Dr. Haji Abd Ghani Bin Haji Ahmad (Jerlun)
151. Dato' Haji Abdul Khalib Bin Abdullah (Rompin)
152. Tuan Zakri Bin Hassan (Kangar)
153. Tuan Rushdan Bin Rusmi (Padang Besar)
154. Tuan Mohd Azizi Bin Abu Naim (Gua Musang)
155. Puan Hajah Salamiah Binti Mohd Nor (Temerloh)
156. Komander Nordin Bin Ahmad Ismail TLDM (B) (Lumut)
157. Tuan Muhammad Ismi Bin Mat Taib (Parit)
158. Tuan Kalam Bin Salan (Sabak Bernam)
159. Tuan Wan Razali Bin Wan Nor (Kuantan)
160. Tuan Jamaludin Bin Yahya (Pasir Salak)
161. Tuan Fathul Huzir Bin Ayob (Gerik)
162. Datuk Haji Idris Bin Haji Ahmad (Bagan Serai)
163. Dr. Radzi Jidin (Putrajaya)
164. Dato' Sri Saifuddin Abdullah (Indera Mahkota)
165. Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim (Arau)
166. Dato' Haji Ahmad Bin Saad @ Yahaya (Pokok Sena)
167. Datuk Muslimin Bin Yahaya (Sungai Besar)
168. Datuk Haji Ahmad Marzuk Bin Shaary (Pengkalan Chepa)
169. Dato' Hajah Siti Zailah Binti Mohd. Yusoff (Rantau Panjang)
170. Datuk Wan Saifulruddin Bin Wan Jan (Tasek Gelugor)
171. Dato' Khilir Bin Mohd Nor (Ketereh)
172. Datuk Che Mohamad Zulkifly Bin Jusoh (Besut)
173. Dato' Mumtaz Binti Md Nawi (Tumpat)
174. Tuan Mohd Misbahul Munir Bin Masduki (Parit Buntar)
175. Dato' Dr Ahmad Yunus Bin Hairi (Kuala Langat)
176. Tuan Zulkifli Bin Ismail (Jasin)
177. Dato' Dr. Haji Alias Bin Razak (Kuala Nerus)
178. Dr. Ahmad Fakhrudin Bin Fakhrurazi (Kuala Kedah)
179. Kapten Datuk Dr. Zulkafperi Bin Hanapi (B) (Tanjong Karang)
180. Tuan Nurul Amin Bin Hamid (Padang Terap)
181. Tuan Roslan Bin Hashim (Kulim Bandar Baharu)
182. Dato' Seri Hamzah Bin Zainudin (Larut)
183. Tan Sri Haji Mahiaddin Bin Mohd. Yassin (Pagoh)
184. Dato' Sri Tuan Ibharim Bin Tuan Man (Kubang Kerian)
185. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee (Beluran)
186. Datuk Seri Takiyuddin Bin Hassan (Kota Bharu)
187. Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati Binti Haji Samsudin (Masjid Tanah)
188. Tuan Haji Mohd Syahir Bin Che Sulaiman (Bachok)
189. Dato' Rosol Bin Wahid (Hulu Terengganu)
190. Datuk Ali Anak Biju (Saratok)
191. Dato' Sri Ikmal Hisham Bin Abdul Aziz (Tanah Merah)
192. Datuk Haji Awang Bin Hashim (Pendang)
193. Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi Bin Haji Salleh (Pasir Puteh)
194. Datuk Haji Ahmad Amzad Bin Mohamed @ Hashim (Kuala Terengganu)
195. Tuan Ahmad Tarmizi Bin Sulaiman (Sik)
196. Tuan Afnan Hamimi Bin Dato' Haji Taib Azamuddin (Alor Setar)
197. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman Bin Ku Ismail (Kubang Pasu)
198. Tuan Zahari Bin Kechik (Jeli)
199. Dato' Azman Bin Nasrudin (Padang Serai)
200. Tuan Haji Mohd Hasnizan Bin Harun (Hulu Selangor)
201. Ir. Ts. Khairil Nizam Bin Khirudin (Jerantut)
202. Tuan Haji Muhammad Islahuddin Bin Abas (Mersing)
203. Tuan Hassan Bin Saad (Baling)

Senator Yang Turut Hadir:

1. Menteri Pelaburan, Perdagangan Dan Industri, Senator Datuk Seri Utama Tengku Zafrul Bin Tengku Abdul Aziz
2. Menteri Luar Negeri, Senator Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Bin Abd Kadir
3. Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Bin Haji Mokhtar
4. Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup, Senator Puan Hajah Fuziah Binti Salleh
5. Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi, Senator Puan Saraswathy A/P Kandasami

Ahli-Ahli Yang Tidak Hadir:

1. Timbalan Perdana Menteri Dan Menteri Perlindungan Dan Komoditi, Dato' Sri Haji Fadillah Bin Yusof (Petra Jaya)
2. Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang (Kanowit)
3. Menteri Pelancongan, Seni Dan Budaya, Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu)
4. Menteri Kerja Raya, Dato Sri Alexander Nanta Linggi (Kapit)
5. Timbalan Menteri Pelancongan, Seni Dan Budaya, Tuan Khairul Firdaus Bin Akbar Khan (Batu Sapi)
6. Timbalan Menteri Belia Dan Sukan, Tuan Adam Adli Bin Abd Halim (Hang Tuah Jaya)
7. Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak Dan Tugas-Tugas Khas), Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong (Hulu Rajang)
8. Datuk Jonathan Bin Yasin (Ranau)
9. Datuk Matbali Bin Musah (Sipitang)
10. Tuan Tan Hong Pin (Bakri)
11. Dato' Ramanan Ramakrishnan (Sungai Buloh)
12. Dato' Muhammad Bakhtiar Bin Wan Chik (Balik Pulau)
13. Tuan Mordi Bimol (Mas Gading)
14. Datuk Iskandar Dzulkarnain Bin Abdul Khalid (Kuala Kangsar)
15. Tan Sri Haji Abdul Hadi Bin Haji Awang (Marang)
16. Tuan Che Alias Bin Hamid (Kemaman)
17. Dato' Indera Dr. Suhaili Bin Abdul Rahman (Labuan)

Ahli-Ahli Yang Tidak Hadir Di Bawah Peraturan Mesyuarat 91:

1. Menteri Pertahanan, Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan (Rembau)
2. Dato' Seri Haji Aminuddin Bin Harun (Port Dickson)

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KHAS**

Isnin, 11 September 2023

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

PEMASYHURAN DARIPADA TUAN YANG DI-PERTUA

- Kajian Separuh Penggal RMKe-12
- Ahli Parlimen Kuala Terengganu Mengangkat Sumpah
- Ucapan Takziah Kepada Ahli Keluarga Allahyarham Datuk Seri Haji Salehuddin Ayub
- Kod Pakaian Untuk Ahli dan Para Pegawai Di Dewan Rakyat

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang]: Tuan Yang di-Pertua, *standing order*.

Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *Speaker* belum mula, sudah *standing order*?

Tuan M. Kulasegaran a/l Murugeson [Ipoh Barat]: Biar *Speaker* mula dulu. Biar *Speaker* habis dulu.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang]: Silakan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, seperti yang telah saya maklumkan, apa-apa juga Yang Berhormat hendak bangkitkan, ialah selepas urusan-urusan yang telah pun ditetapkan oleh Perdana Menteri. Jadi, selepas Perdana Menteri berucap, saya akan bagi peluang untuk Yang Berhormat bangkitkan. Silakan ya.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Eh, duduklah. Duduk.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Saya *beg to differ*, Tuan Yang di-Pertua. Sepatutnya sesuatu perkara yang berkaitan dengan *standing order* dibangkitkan selepas sesi soal jawab. Biasanya itu amalannya, sebelum urusan-urusan lain.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Dulu jadi Menteri, cakap lain.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Hari ini tidak ada sesi soal jawab. *[Tepuk]* Jadi atas sebab itu, sebelum dimasukkan urusan sebagaimana ditentukan oleh Ketua Majlis, ini sudah dibangkitkan hal berkaitan dengan *standing order*. Itu yang kita faham.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kota Bharu, terima kasih. Tolong *refer* P.M.11(3), Yang Berhormat Kota Bharu. P.M.11(3) *standing order* kita *very* jelas.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Ha, suruh dia baca!

Tuan Yang di-Pertua: Ini adalah sidang khas yang agendanya ditentukan oleh Perdana Menteri. P.M.11(3). So, keputusan saya muktamad. Keputusan saya muktamad. P.M.11(3).

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Suruh dia baca. Suruh dia baca.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Betul, Tuan Yang di-Pertua. Betul, Tuan Yang di-Pertua. Tak kira, persidangan khas itu memang ditentukan oleh Perdana Menteri sebagai— tetapi tidak ada peruntukan yang mengatakan bahawa *standing order* tidak boleh dibangkit sebelum urusan ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh kerananya ia tidak ada, maknanya takrifan saya *take...*

Datuk Seri Panglima Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Peruntukan dia ada. Peruntukan dia terserah dengan *Speaker* memberi kebenaran atau tidak. Itu muktamad.

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang]: Sabar. Sabar, Yang Berhormat Kinabatangan. Siapa *Speaker* ini?

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu— yang menjadi *Speaker* di Dewan ini adalah Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Panglima Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: *I beg, Speaker!*

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Bukan Yang Amat Berhormat Tambun. Yang Amat Berhormat Tambun telah mendahului *Speaker* menolak usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Machang.

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang]: Ya.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Ini yang tidak betul. Dilaporkan bahawa Parlimen bukan mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua: Saya...

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Ini adakah Tuan Yang di-Pertua dipengaruhi oleh Yang Amat Berhormat Tambun buat keputusan ini?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, tidak, tidak.

Tuan M. Kulasegaran a/l Murugeson [Ipoh Barat]: Itu pandangan peribadi. Pandangan peribadi.

Tuan Yang di-Pertua: Dengar, dengar. Saya telah pun berbincang...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Kota Bharu, jangan buat sangkaan jahat terhadap *Speaker!*

Tuan Yang di-Pertua: Okey, okey. *Order.*

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang]: Eh, eh, Yang Berhormat Jelutong!

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat, saya telah berbincang— untuk makluman Yang Berhormat Kota Bharu, saya telah berbincang dengan Yang Berhormat Machang tadi supaya— saya katakan untuk berada di dalam keadaan yang lebih tenang, kita hendak semua orang mendapat manfaat pada hari ini.

Sebelah sini pun mendapat manfaat... [*Merujuk pada blok pembangkang*] Sebelah sini pun mendapat manfaat... [*Merujuk pada blok kerajaan*] Yang penting sekarang ini ialah bagaimana hari ini kita hendak mendengar satu benda penting hari ini.

Akan tetapi, saya akan memberi peluang. Saya akan memberi peluang selepas sahaja Perdana Menteri berucap, *insya-Allah* saya akan memberi peluang.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Tuan Yang di-Pertua, isu ini merupakan isu besar yang melibatkan...

Tuan Yang di-Pertua: Isu besar.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: ...Isu usul itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Beluran, isu amat besar. Saya tak pernah kata isu tak besar.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Ia melibatkan kerusi *Speaker* kerana dalam peraturan mesyuarat, *Speaker* yang memutuskan tentang usul P.M.18, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya yang tentukan. Saya akan tentukan.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Akan tetapi, soalnya Perdana Menteri mendahului *Speaker* pada isu yang kita hendak bawa.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak. Itu hal isu yang— Perdana Menteri sebut di luar Parlimen. Itu bukan kuasa saya untuk ini. Itu hak dia. Saya...

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Dia membuat keputusan bagi pihak *Speaker*. Peletakan kerusi *Speaker* itu dicabar oleh Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, tidak, tidak. Dia tidak membuat keputusan bagi pihak saya. Keputusan saya hari ini ialah saya akan memberikan ruang kepada Yang Berhormat Machang sebentar nanti. Itu keputusan saya.

Sekarang ini saya hendak teruskan dengan urusan seterusnya. Saya ada tetamu dari luar.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Okey, satu sahaja saya hendak dapat petua.

Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia akan dibagi peluang oleh *Speaker* tetapi bukan sekarang. Yang Berhormat, sabar! Sabar itu iman!

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Tuan Yang di-Pertua, satu sahaja.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya minta Yang Berhormat Kinabatangan diam. Kalau tak, jadi *Speaker*.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Tuan Yang di-Pertua, satu sahaja saya minta kebenaran ya. Saya sebagai Ketua Whip PN hendak dapat penjelasan, pencerahan, adakah dengan membenarkan Yang Berhormat Machang membentangkan usul selepas daripada ini bermakna usul P.M.18(1) Yang Berhormat Machang diterima?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak. Saya akan memberi ruang untuk dia bercakap sekejap lagi.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Kalau tidak, macam mana boleh bahas?

Tuan Yang di-Pertua: Bukan soal bentang. Saya akan beri ruang. Apa juga yang hendak disebut, dia sebut selepas PM.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Ya, usul diterima atau tidak?

Tuan Yang di-Pertua: Bukan, bukan. Saya hendak bagi ruang dia bercakap.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Tidak diterima, macam mana hendak bahas?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kota Bharu, Yang Berhormat Kota Bharu, Yang Berhormat Kota Bharu, *don't push, please*.

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang]: Secara rasmi, usul telah ditolak.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Kalau usul tak diterima, macam mana hendak bahas?

Tuan Yang di-Pertua: Saya akan bagi ruang dia bercakap sekejap lagi, okey? Sekarang, tolong duduk. Mohon duduk.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Jadi, saya boleh katakan usul diterima? Usul Yang Berhormat Machang diterima?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak. Saya akan bagi ruang.

Tuan M. Kulasegaran a/l Murugeson [Ipoh Barat]: Jangan *prejudgelah*, Yang Berhormat Kota Bharu. Jangan *prejudge*.

Tuan Yang di-Pertua: *Please, do not put words into my mouth.* Saya akan bagi ruang.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Tuan Yang di-Pertua, ada satu tahun 2021, Yang Berhormat Tambun semasa itu menjadi Ketua Pembangkang duduk di sini. Masa *Speaker* bersidang, Yang Berhormat Tambun ada sebut— ini dilaporkan— “*Speaker, jangan sekongkol lindungi Menteri*”. Saya hendak kata, *Speaker*, jangan sekongkol lindungi Perdana Menteri. *[Tepuk]*

Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Itu dulu! Sekarang lain sudah!

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: *Speaker*, jangan bersengkongkol lindungi Perdana Menteri yang membuat *ruling* di luar Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. *Are you saying...*

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: *I am repeating.* Saya ulang apa yang dikata oleh Yang Berhormat Tambun dulu.

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang]: Saya ulang!

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: *Direport.* Dia duduk di sini dulu. *[Merujuk pada kerusi Ketua Pembangkang]* Dia kata kepada *Speaker* pada masa itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kota Bharu, Yang Berhormat Kota Bharu, *please.* Okey.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *Speaker*, peraturan, *Speaker.* *Speaker*, peraturan. *Speaker*, P.M.36(6), seseorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa. *[Dewan riuh]*

Speaker, Yang Berhormat Kota Bharu telah berulang kali menuduh *Speaker* bersengkongkol dengan Perdana Menteri. Itu adalah tuduhan yang serius.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Ini Yang Berhormat Tambun sebutlah. Yang Berhormat Tambun sebut dahulu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya minta beliau minta maaf dan tarik balik.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Saya ulang. Saya ulang.

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang]: Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Kota Bharu tanya, kenapa Yang Berhormat Tambun mendahului *Speaker*.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Saya ulang.

■1010

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Itu ialah satu sangkaan jahat, tuduhan serius terhadap *Speaker*.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik. Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Machang, duduk. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Khas Dewan Rakyat bersidang bermula hari ini 11 September hingga 19 September 2023 selama enam hari. Selaras dengan Peraturan Mesyuarat

11(3), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, urusan mesyuarat khas ini ditetapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan urusannya ialah Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Kedua Belas.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya sedang— Saya sedang...

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Betul. Akan tetapi, kerana Tuan Yang di-Pertua terus sahaja membaca apa yang patut Tuan Yang di-Pertua baca, rakan-rakan saya hendak bertanya; apakah usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Machang itu dibenarkan untuk bahas ataupun tidak?

Tuan Yang di-Pertua: Saya akan beri ruang sebentar lagi. Ketua Pembangkang...

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Bukan. Saya...

Tuan Yang di-Pertua: *No, no, no.*

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Kita hendak tanya jawapannya, sama ada boleh bahas ataupun tidak? Kalau boleh bahas, kita hendak bahas. Soalannya...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: *Speaker* belum buat keputusan. Tunggu dulu. Tunggu, tunggu selepas ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ketua Pembangkang, duduk dulu. *Just be patient with me.*

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Betul.

Tuan Yang di-Pertua: *Just be patient.* Selepas ini, saya akan beri.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: *We are going to be very patient*, kalau *Speaker* jawab boleh dibahaskan selepas ini. Itu yang kita hendak.

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang]: Oleh sebab Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Kalau *Speaker* tidak beri jawapan bahawa usul itu tidak boleh dibahaskan, maka cerita lain.

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang]: Usul saya ditolak. Usul saya ditolak.

Tuan Yang di-Pertua: Usul telah pun ditolak.

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang]: Ya. Jadi, bahas macam mana?

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Macam mana hendak bahas, kalau sudah ditolak?

Tuan Yang di-Pertua: Oleh sebab itu saya kata, saya akan beri. Malah, kalau saya tidak beri ruang pun tidak apa. Cuma saya hendak beri ruang sebab saya tolak. Saya tolak dan saya beri ruang apa dia hendak cakap sebentar lagi. Cuma, *be patient, be patient*. Yang Berhormat tidak tahu apa dalam kepala saya sekarang ini. *So, be patient*. Jangan tanya sekarang. Saya kata tanya selepas...

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Tuan Yang di-Pertua, sebab kita tidak tahulah kita tanya.

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat...

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Takkan kalau kita tahu, kita tidak tanya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat Ketua Pembangkang telah banyak kali jadi Menteri. Selalunya urusan-urusan yang berkaitan ini selepas urusan kerajaan. *So, be patient.*

Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, berapa kali banyak – Usul ditolak, usul ditolak.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Kita hendak *ruling* saja. Tuan Yang di-Pertua, kita hendak *ruling* saja.

Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kebiasaannya, kebiasaannya Tuan Yang di-Pertua, apabila usul ditolak...

Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, ia masih ada ruang lagi.

Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Machang boleh berbicara mengikut perasaan dia sajalah.

Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Ya.

Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Usul sudah ditolak.

Tuan Yang di-Pertua: Yalah, ya, ya.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Tahniah, Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Usul sudah ditolak tetapi Tuan Yang di-Pertua boleh memberikan ruang untuk berbicara.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Tahniah, Yang Berhormat Kinabatangan. Tahniah.

Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Itu sudah menjadi kelaziman.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu dan Yang Berhormat Kuala Selangor. Duduk Ahli-ahli Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Tidak ada masalah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tahniah, Yang Berhormat Kinabatangan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Arau, saya suka.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tahu. *First day* ini enjin tengah panas. Tidak apa, *first day*. Okey. Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 5(3), saya dengan ini memberitahu Majlis ini bahawa Yang Berhormat Datuk Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim, Ahli Parlimen Kuala Terengganu telah mengangkat sumpah semasa di luar Majlis Mesyuarat Dewan mengikut Jadual Keenam dalam Perlembagaan Persekutuan pada hari Selasa, 5 September 2023. *[Tepuk]*

Pada kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan takziah kepada seluruh ahli keluarga Allahyarham Datuk Seri Haji Salehuddin Ayub, Ahli Parlimen Pulau yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup yang telah meninggal dunia pada 23 Julai 2023. Kita berdoa semoga Allah SWT mencucuri rahmat kepada Allahyarham serta ditempatkan dalam kalangan orang-orang yang soleh serta lagi beriman. Kepada yang beragama Islam, diminta sedekahkan al-Fatihah kepada Allahyarham Datuk Seri Haji Salehuddin Ayub, manakala kepada yang bukan beragama Islam diminta bertafakur. Al-Fatihah.

[Ahli-ahli Yang Berhormat membaca Al-Fatihah dan bertafakur]

Ahli-ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kod pakaian untuk Ahli Dewan Rakyat dan para pegawai di Dewan Rakyat adalah tertakluk kepada Peraturan Mesyuarat 41(f). Saya ingin memasyhurkan bahawa Ahli-ahli Dewan Rakyat tidak perlu memakai tali leher apabila memakai *lounge suit*, manakala pegawai hendaklah memakai tali leher apabila memakai *lounge suit*. Manakala pemakaian batik Malaysia berlebaran panjang hanya dibenarkan, saya ulang, hanya dibenarkan pada hari Khamis di Dewan Rakyat. Sebarang perubahan substantif kepada kod pemakaian di Dewan Rakyat ini perlu dibawa kepada pertimbangan Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat.

Ahli-ahli Yang Berhormat...

Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, batik lengan pendek tidak boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh.

[Ketawa]

Ahli Yang Berhormat, bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini ialah delegasi dari Korea...

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: *Korean National Assembly.*

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Tuan Yang di-Pertua, arahan tadi itu sama ada itu mandatori "tidak pakai tali leher" atau ayat tadi– "Tidak perlu" itu?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak perlu.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: *It's not mandatory?*

Tuan Yang di-Pertua: *It's not mandatory. It's an option.*

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi kalau pakai tali leher, pakai *tie*, kena pakai kot ya. [Ketawa]

Bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini ialah...

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Jadi Tuan Yang di-Pertua, ayat Tuan Yang di-Pertua itu tadi kata kalau tidak pakai *tie*, kena pakai kot. Jadi, kalau tidak pakai *tie*, tidak perlu pakai kot?

[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Maksudnya begini.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Jadi, kalau tidak perlu pakai...

Tuan Mohd Sany bin Hamzan [Hulu Langat]: Ketua Pembangkang ini pening ini, Ketua Pembangkang ini!

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Jadi, kita pakai biasa...

Tuan Mohd Sany bin Hamzan [Hulu Langat]: Hoi Ketua Pembangkang, duduklah! Duduk, duduk. Duduk!

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang]: Hoi duduk, duduk. Ada benda dia pergi...

Tuan Mohd Sany bin Hamzan [Hulu Langat]: Buang masa ini, buang masa! Buang masa! Yang Berhormat Arau, pergi jadi Ketua Pembangkang!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Hulu Langat, Yang Berhormat Hulu Langat.

Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [Parit Buntar]: Yang Berhormat Hulu Langat, duduk Yang Berhormat Hulu Langat!

Tuan Mohd Sany bin Hamzan [Hulu Langat]: Yang Berhormat Arau, pergi jadi Ketua Pembangkang!

Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [Parit Buntar]: Yang Berhormat Hulu Langat, duduk.

Tuan Mohd Sany bin Hamzan [Hulu Langat]: Ketua Pembangkang yang ada sekarang ini, pindah ke tempat Yang Berhormat Arau.

Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [Parit Buntar]: Duduk Yang Berhormat Hulu Langat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penyamun.

Tuan Mohd Sany bin Hamzan [Hulu Langat]: Tidak faham-faham bahasa!

Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [Parit Buntar]: Yang Berhormat Hulu Langat, duduk!

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penyamun.

Tuan Mohd Sany bin Hamzan [Hulu Langat]: Tidak faham bahasa! Buang masa!

Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [Parit Buntar]: Eh, *Speaker* pun cakap tidak ada apa, Yang Berhormat Hulu Langat.

Tuan Mohd Sany bin Hamzan [Hulu Langat]: Buang masa!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Hulu Langat.

Tuan Mohd Sany bin Hamzan [Hulu Langat]: Buang masa!

Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [Parit Buntar]: Yang Berhormat Hulu Langat duduk.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Hulu Langat, saya hendak habiskan *paragraph* ini.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Tuan Yang di-Pertua..

Tuan Yang di-Pertua: Okey, okey.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Haji Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Apakah yang emosi sangat ini? *Coolah. Cool, cool.*

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Saya ingin jelaskan sahaja sebab Tuan Yang di-Pertua cakap sebegitu rupa. Saya— Di kampung saya, hendak pergi jalan kampung hulu sana banyak monyet. Jadi, sebab itu saya sudah biasa dengan monyet-monyet ini. Oleh sebab itu, saya minta Tuan Yang di-Pertua, sila jelaskan.

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Tuan Mohd Sany bin Hamzan [Hulu Langat]: Tidak kelakar pun, tidak kelakar! Kalau tidak ada monyet, mari datang Hulu Langat, ada monyet!

Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [Parit Buntar]: Duduk, Yang Berhormat Hulu Langat.

Tuan Mohd Sany bin Hamzan [Hulu Langat]: Mari datang Hulu Langat, banyak monyet! Mari!

Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [Parit Buntar]: Duduklah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Hulu Langat.

Tuan Mohd Sany bin Hamzan [Hulu Langat]: Tidak kelakar! Tidak kelakar langsung!

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik.

Tuan Mohd Sany bin Hamzan [Hulu Langat]: Betul tidak, Yang Berhormat Kinabatangan?

Datuk Dr. Radzi bin Jidin [Putrajaya]: *Speaker*.

Tuan Mohd Sany bin Hamzan [Hulu Langat]: Yang Berhormat Kinabatangan, betul atau tidak, tidak kelakar langsung?

Datuk Dr. Radzi bin Jidin [Putrajaya]: *Speaker*.

Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun [Hulu Selangor]: Cari kawan, nampak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Hulu Langat.

Datuk Dr. Radzi bin Jidin [Putrajaya]: *Speaker*, ini bukan kali pertama *Speaker*. Tolong disiplinkan Yang Berhormat Hulu Langat, *Speaker*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Okey. Ahli-ahli Yang Berhormat, rakyat sedang menunggu apakah yang akan kita buat dengan penderitaan dan kesengsaraan mereka di luar. Kalau isu-isu macam ini, kita tidak boleh *start*. Tolong. *Please*. Saya hendak habiskan *paragraph* ini dan selepas ini urusan akan diteruskan. Bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini...

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Tuan Yang di-Pertua, sikit lagi, saya diminta untuk bertanya. Anggota pentadbiran datang ke Parlimen tidak perlu pakai *tie*. Apakah beza dengan pegawai kerajaan? Pegawai kerajaan yang mengiringi Menteri kenapa perlu pakai *tie*? Apakah bezanya? Duduk di dalam Dewan Parlimen ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kota Bharu, itu keputusan saya, Yang Berhormat Kota Bharu.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Yalah, itu kita hendak dapat penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta...

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Rasionalnya apa? Rasionalnya apa?

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta supaya pegawai-pegawai tidak ikut MP sebab ini keputusan yang telah pun ditetapkan bertahun lamanya, bahawa pegawai-pegawai kena pakai *suit* dan kena pakai *tie*. *MPs* tidak mahu pakai *tie* pun tidak apa. Itu ialah *discretion*, saya mahu berikan kelonggaran kepada *MPs*. *As simple as that*. *Please* ya. Manakala kalau tidak setuju, kita akan bawa pergi jawatankuasa, jawatankuasa *decide*. Saya *chair* sahaja. Selepas itu, kalau kita *decide otherwise*, kita akan *implement*-kan. Terima kasih. Saya hendak teruskan. Maaf ya. Saya hendak teruskan. Tidak marah, fasal puasa hari ini.

Bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini ialah delegasi daripada *Korean National Assembly* yang diketuai oleh Tuan Yang Terutama Tuan Kim Jin-Pyo, *Speaker of the Korean National Assembly* di Dewan ini. Dewan ini mengalu-alukan kehadiran Tuan Yang Terutama dan delegasi ke Dewan yang mulia ini. Semoga kehadiran Tuan Yang Terutama dan delegasinya akan mengukuhkan lagi tali persahabatan dan perhubungan antara Parlimen Malaysia dan Parlimen Republik Korea. Selamat datang. Sekian, terima kasih.

Setiausaha, silakan.

■1020

USUL PERDANA MENTERI DI BAWAH P.M. 27(3)**KAJIAN SEPARUH PENGGAL
RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS (2023-2025)**

10.21 pg.

Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, dengan penuh takzim saya berdiri untuk mengemukakan usul seperti berikut:

“Bahawa Dewan ini,

menyedari akan cabaran untuk mengekalkan kestabilan ekonomi dan mencapai pertumbuhan yang mampan dengan mengambil kira perubahan trend ekonomi global, kedudukan kewangan kerajaan serta pencapaian dua tahun pertama, 2021-2022 Rancangan Malaysia Kedua Belas;

merestui usaha kerajaan untuk merancang dan melaksanakan agenda pembangunan negara yang mampan selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI, wadah Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat serta Agenda Pembangunan. Mampan 2030;

meluluskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas bagi tempoh 2023-2025 yang memberikan keutamaan dan penekanan baru atas dasar strategi dan inisiatif bagi pembangunan sosioekonomi serta langkah memperkukuh tadbir urus ke arah negara yang mampan, sejahtera dan berpendapatan tinggi menurut Kertas Perintah CMD. 30 2023; dan

bahawa dalam meluluskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia berganding bahu untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara kekal mampan serta pengagihan kekayaan adalah telus, adil dan saksama.”

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Baik, silakan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Sokong tidak, *dak?*

Tuan Yang di-Pertua: Belum lagi, baca.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, Allah SWT, Al-Quran Al-Majid. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran] “Sesungguhnya Allah SWT memerintahkan kamu untuk melunaskan amanah yang berhak menerimanya dan apabila kamu menetapkan hukum antara manusia, hendaklah kamu berhukum dengan adil”*, Surah An-Nisa, ayat ke-58.

Negara kita di persimpangan, sama ada mengekalkan dasar dan kaedah lama atau melakukan islah— perubahan. Perubahan ini harus mencakup rangka memperbaiki tatakelola. Melakukan anjakan dasar dan memperkenalkan kaedah serta pendekatan baharu mengikut tuntutan semasa.

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12, saya akan rujuk sebagai KSP RMKe-12 ternyata bukan pendekatan biasa menilai pelaksanaan RMKe-12 tetapi adalah meliputi dasar dan kaedah baharu untuk menghadapi tentangan semasa. RMK yang telah diluncurkan pada tahun 2021 mula dilaksanakan dengan matlamat makmur,

inklusif, mampan. Manakala gagasan dalam KSP RMKe-12 bermatlamatkan Malaysia Madani: Mampan, Sejahtera dan Berpendapatan Tinggi.

Saya juga dimaklumkan bahawa ketidakstabilan politik berserta hentakan wabak COVID-19 sejak awal tahun 2020 telah mendedahkan kerapuhan sistem dan kelemahan tatakelola. Dalam tempoh ini juga, negara dirundung kegelapan tatkala PKP dan Perintah Darurat yang dikuatkuasakan antara tahun 2020-2021 mengakibatkan rakyat kehilangan mata pencarian, menyusutnya purata pertumbuhan ekonomi serta merosotnya pelabur asing.

Seramai 37,167 nyawa telah diragut COVID-19 sehingga kini. Tabung rakyat juga telah menyusut dengan pengeluaran dana rakyat khususnya melalui KWSP sebanyak RM145 bilion. Kadar kemiskinan meningkat ke paras 8.4 peratus. Kadar pertumbuhan ekonomi tercorot akibat bertambahnya kemiskinan. Sementara kadar kesenjangan membengkak kepada 0.411 dan kadar pengangguran meningkat kepada 4.5 peratus pada tahun 2020.

Berdepan dengan kemelut tersebut, negara dituntut untuk melakukan anjakan secara tegas dan menyeluruh. Maka kerajaan telah mengikhtiarkan Gagasan Malaysia Madani dan menyusun dengan Kerangka Ekonomi Madani.

Kerangka dasar tersebut telah dicerakin dalam Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (NETR) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) sebagai prakarsa baharu bagi memacu pertumbuhan sosioekonomi Malaysia untuk tempoh 10 tahun. Kenanglah sabda Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW [*Bercakap dalam bahasa Arab*], "*Tidak sempurna iman seseorang yang tidak amanah*". Hadis sahih Riwayat Ahmad.

Demikianlah kukuhnya gesaan Nabi Muhammad SAW bagi semua yang menggalas tanggungjawab. Segala kerangka dan kebijakannya tampak lunak dan ampuh, tidak bermakna tanpa amalan prinsip amanah dalam kalangan pimpinan dan penjawat awam serta masyarakat keseluruhannya. Demikian juga amanah dipikul dapat dilunaskan demi keselamatan jiwa dan mutu hidup rakyat.

Agak menarik, manakala Confucius mengungkap prinsip *Huhui* atau kesalingan (*reciprocity*) antara pimpinan yang beramanah dan bertanggungjawab dan rakyat yang turut memikul amanah.

Tuan Yang di-Pertua, status terkini Rancangan Malaysia Ke-12 yang diluluskan di Parlimen pada 21 Oktober 2021 yang merangkumi tiga tema, empat pemangkin dasar dan 14 pemacu perubahan. KDNK menguncup sebanyak negatif 5.5 peratus pada tahun 2020 tetapi mula pulih dengan mencatatkan pertumbuhan 3.3 peratus tahun 2021. Dalam tempoh dua tahun pertama RMKe-12 yakni 2021 hingga 2022, negara mencatat pertumbuhan purata KDNK sebanyak 5.9 peratus daripada asas terdahulu yang sangat rendah.

Sebanyak 31 peratus daripada 175 sasaran ditetapkan telah dicapai dan 59 peratus adalah mengikut jadual. RMKe-12, peruntukan RM400 bilion bagi membiayai projek pembangunan sambungan dan baharu untuk tempoh lima tahun. Bagi tempoh dua tahun yang pertama prestasi perbelanjaan sebenar ialah 34 peratus. Tahun 2021, jumlah perbelanjaan pembangunan hanyalah sebanyak RM64.4 bilion. Tahun 2022, jumlahnya RM71.6 bilion.

RMKe-12 akan dijaikan semula dengan visi Ekonomi Madani yang menyasarkan pemerasaan dan merencanakan ekonomi negara untuk tempoh 10 tahun. Kerajaan komited untuk membelanjakan sekurang-kurangnya RM90 bilion setahun bagi tahun 2023 hingga 2025. Ini bermakna kerajaan akan membelanjakan sepenuhnya peruntukan RM400 bilion di bawah RMKe-12, malah menambah siling sebanyak RM15 bilion menjadikan jumlah keseluruhannya RM415 bilion. Peningkatan ini adalah bagi menambah keperluan untuk membiayai bidang keutamaan rakyat, di samping memperbaiki mutu pengurusan dan menyasarkan semula subsidi bagi menampung keperluan asas rakyat.

Anjakan baharu bermula dengan menoktahkan kemiskinan tegar, menyelesaikan masalah asas prasarana dan keperluan asas rakyat termasuk memperbaiki sekolah dan klinik daif, menjamin bekalan air bersih serta menerajui ekonomi Islam. Dalam bidang menoktahkan kemiskinan tegar, *insya-Allah* kita akan berhasil menempa kejayaan yang bermakna sebelum akhir tahun ini.

Sementelahan, KSP RMKe-12 akan menyemak semula dasar strategi dan sasaran secara menyeluruh dengan mengambil kira kesenjangan pembangunan kota, desa dan pedalaman serta miskin, kaya yang masih wujud, hutang yang membengkak, ruang fiskal yang terhad dan peralihan struktur ekonomi yang perlahan.

■1030

Pencapaian mikroekonomi dan indikator terkini. Dalam masa singkat, pelbagai langkah proaktif telah diambil untuk mengembalikan Malaysia ke landasan pertumbuhan yang betul. Walhasil, dalam tempoh separuh pertama tahun 2023, KDNK Malaysia mencatat peningkatan sebanyak 4.2 peratus. *[Tepuk]* Didukung oleh kegiatan sektor swasta dan perdagangan yang baik.

Prestasi pasaran buruh semakin baik dengan kadar produktiviti yang lebih tinggi iaitu 3.7 peratus setahun bagi tempoh 2021 hingga 2022, manakala pengangguran turun kepada 3.5 peratus pada suku kedua tahun 2023. Kadar inflasi Julai 2023 telah menurun kepada dua peratus. Rekod terendah dalam tempoh 24 bulan. *[Tepuk]* Pendapatan negara kasar (PNK) per kapita lebih tinggi iaitu RM52,968 atau USD12,035 pada tahun 2022 ketimbang RM42,838 pada tahun 2020.

Nikmat kemajuan ekonomi yang di kecapai kini turut dirasakan oleh rakyat seperti terpapar pada petunjuk pada peringkat global dan domestik. Malaysia berhasil mencatat pencapaian memberangsangkan dalam pembangunan manusia berdasarkan Indeks Pembangunan Manusia (HDI) 2021 pada tangga ke-62 daripada 191 buah negara. Kita menyasarkan kedudukan ke-25 teratas buat Malaysia dalam masa 10 tahun.

Sementara pada peringkat domestik, Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia yang mengukur tahap kesejahteraan ekonomi dan sosial rakyat telah meningkat sebanyak 1.3 peratus setahun. Pendapatan rakyat juga bertambah baik. Pendapatan purata bulanan isi rumah meningkat kepada RM8,479 pada tahun 2022 daripada RM7,901 pada tahun 2019.

Berbeza dengan pendekatan model ekonomi sebelum ini. Ekonomi Madani bertitik tolak pada falsafah pembangunan dan pertumbuhan ekonomi yang manusiawi berteraskan nilai kemasyarakatan, peradaban dan norma yang merupakan satu pencetusan nurani buat negara yang pernah saya ungkapkan dalam buku '*Gelombang Kebangkitan Asia*' atau '*The Asian Renaissance*' sekitar 26 tahun yang lalu.

Quote; "asas ekonomi manusiawi ialah falsafah pembangunan yang holistik berpandukan keprihatinan etika dan sosial serta berasaskan prinsip keadilan dan kebajikan (*al-'adl wa al-ihsan*). Mengurus ekonomi sedemikian bukan sahaja mengenai peruntukan sumber yang terhad untuk memenuhi keperluan fizikal dan material manusia ia juga mengenai peruntukan sumber yang sama untuk memenuhi kehendak rohani dan intelek manusia".

KSP RMKe-12, Malaysia Madani: Mampan, Sejahtera dan Berpendapatan Tinggi. Lantaran itu, Kerajaan Perpaduan kini sedang mempersiapkan negara bagi menempuh fasa kedua KSP RMKe-12 yang diberi tema '*Mampan, Sejahtera dan Berpendapatan Tinggi*', dengan tiga tumpuan utama. Yakni memperkukuh kemapanan, membangunkan masyarakat sejahtera dan menuju negara berpendapatan tinggi.

Sebanyak 17 anjakan utama dan 71 inisiatif utama telah diperkenalkan bagi memastikan keberhasilan perkara yang disasarkan. *Insya-Allah*, KSP RMKe-12 ini akan terus memperkukuh agenda pembangunan negara dan rakyat ke arah mencapai matlamat Ekonomi MADANI.

Bagi memberikan gambaran yang lebih jelas pada Dewan yang mulia ini, pembentangan ini akan dicerakinkan melalui 12 penegasan yang menjadi inti pati kepada KSP RMKe-12 dan distrukturkan mengikut tiga tumpuan utama.

Tumpuan 1: Menuju Negara Berpendapatan Tinggi.

Bagi melonjakkan Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi seiring dengan matlamat sebagai peneraju ekonomi Asia, kerajaan beriltizam untuk melaksanakan empat penegasan –

Penegasan 1: Melonjakkan Pertumbuhan Ekonomi.

Kerajaan menyasarkan lonjakan pertumbuhan ekonomi sekurang-kurangnya lima peratus setahun dalam tempoh RMKe-12 dengan memberikan tumpuan pada dua perkara pokok.

Pertama: Memperkukuhkan produktiviti dengan menyegerakan peralihan kepada industri bernilai tinggi dan menerima guna teknologi termaju, mempertingkatkan bakat kemahiran. Di samping itu, kerajaan akan turut bekerjasama dengan sektor swasta dan ahli akademik bagi menambah baik aspek produktiviti negara.

Produktiviti pelbagai faktor (MFP) secara purata dijangka menyumbang sebanyak 42.8 peratus kepada pertumbuhan KDNK dengan produktiviti buruh yang dijangka mencatatkan pertumbuhan 3.8 peratus setahun.

Kedua: Kerajaan berhasrat menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan utama para pelabur dengan memperkukuhkan daya saing. Langkah utama adalah meningkatkan persekitaran perniagaan menerusi penambahbaikan peraturan perniagaan termasuk melalui Unit MyMudah.

Langkah ini secara langsung merancakkan pelaburan langsung domestik (DDI) yang secara bersinergi akan menarik lebih banyak FDI. Pelaburan swasta disasarkan berkembang sebanyak 6.4 peratus setahun atau purata RM300 bilion setahun dalam tempoh akhir RMKe-12.

Penegasan 2: Mempercepat Reformasi Struktur Ekonomi.

Kerajaan akan memantapkan sektor dan industri dengan pertumbuhan dan nilai tinggi, *high-growth high value* (HGHV) meliputi lima bidang.

Pembangunan HGHV 1: Industri Berasaskan Peralihan Tenaga akan digagaskan sebagai anjakan utama bagi memastikan peralihan tenaga yang sama. Dengan terluncurnya NETR maka pelaksanaan Dasar Tenaga Negara 2022 hingga 2040 secara komprehensif akan dapat disegerakan.

Beberapa ikhtiar dalam enam buah teras utama *energy transition* (NETR) telah dilaksanakan termasuk galakan penggunaan kenderaan elektrik (EV) dan hibrid dan perluasan infrastruktur EV serta penerokaan sumber tenaga baharu daripada sektor pertanian. Rang Undang-undang Kecekapan dan Konservasi Tenaga (EECA) sedang digubal.

NETR telah mengenal pasti 10 projek perdana yang strategik dan berimpak tinggi. Jangka pelaburan bernilai RM25 bilion mewujudkan 23,000 peluang pekerjaan berkualiti tinggi serta pengurangan 10,000 *gigagram* karbon dioksida setara setahun.

Bagi memenuhi peningkatan permintaan gas asli cecair (LNG) dan memastikan keterjaminan bekalan, projek penyimpanan LNG tambahan akan dibangunkan di terminal pengagasan semula Pengerang, Johor. Langkah ini akan memperkukuh usaha meliberalisasikan pasaran gas domestik dan menjadikan Malaysia sebagai hab pasaran gas asli serantau.

Perdagangan tenaga boleh baharu (*renewable energy*) rentas sempadan akan diperkukuh dalam inisiatif Grid Kuasa ASEAN. Matlamat kerajaan adalah mencapai sasaran kapasiti terpasang TBB sebanyak 70 peratus menjelang tahun 2050. Sekali gus, menjadikan Malaysia sebagai hab serantau bagi perdagangan tenaga bersih.

HGHV 2: Industri Berasaskan Teknologi dan Digital akan memberikan tumpuan kepada pemanfaatan teknologi termaju yang merangkumi kecerdasan buatan, bahan termaju dan pengkomputeran kuantum bagi pemacu utama pertumbuhan industri.

Saya pernah menghebahkan Agenda Digital Rakyat atau *Digital Native Agenda 2023* (DNA23) sebagai ikhtiar untuk memberi pendedahan dan pencerahan kepada bidang teknologi dan digital yang kritikal bagi negara. Hasrat saya adalah agar kefahaman dan penyertaan itu lebih menyeluruh dan penekanan mengenai transformasi digital akan merangkumi semua lapisan masyarakat miskin kota, desa dan di pedalaman.

Walhasil, kebijakan digital lebih inklusif akan diwujudkan untuk membangun infrastruktur kondusif, menyemak semula peraturan dan garis panduan bagi menambah baik persekitaran yang mendukung pembangunan ekonomi digital.

■1040

Pemain utama dalam sektor teknologi maklumat dan telekomunikasi seperti Google, Amazon Web Service, Microsoft dan IBM serta tokoh syarikat pemula (*start-up*) telah menyatakan minat mereka untuk mendukung usaha bagi melahirkan lebih ramai bakat digital tempatan yang berkemahiran tinggi.

Pembangunan syarikat pemula ternyata kritikal dan mendesak bagi mempercepatkan peralihan struktur ekonomi negara. Syarikat pemula (*start-up*), ternyata lebih demokratik dalam menarik penyertaan lebih ramai bakat dan anak muda yang sanggup meneroka lapangan berkaitan dengan segala risikonya.

Justeru, ekosistem modal teroka akan diperkukuh bagi menyegerakan pembentukan syarikat pemula berasaskan teknologi. Inisiatif khusus akan diperkenal untuk mengumpulkan sumber daripada pelbagai syarikat berkaitan kerajaan (GLC) termasuk Khazanah Nasional Berhad, Kumpulan Wang Persaraan (KWP). Tumpuan akan diberikan kepada pelabur syarikat pemula yang masih pada peringkat awal dan mereka akan turut diperkasa agar lebih ramai bakat tempatan muncul sebagai pencipta dan pembangun teknologi.

Kejayaan dirintis oleh syarikat pemula seperti EasyParcel, TheLorry, Swipecy dan iStore iSend mampu diangkat sebagai teladan. Untuk maksud ini, satu konvensyen syarikat pemula akan dianjurkan dalam masa terdekat bagi menghasilkan lebih ramai tekno-usahawan tempatan. Kerajaan menyediakan geran RM266 juta pada tahun ini kepada syarikat pemula tempatan untuk melahirkan lebih banyak syarikat bertaraf unicorn, RM63.9 juta disalurkan sehingga kini.

Aktiviti penyelidikan pembangunan pengkomersialan dan daya cipta yang terarah merupakan satu daripada tunjang penting untuk mempercepatkan reformasi struktur ekonomi. Unit Pengurusan Penyelidikan akan diperkasa sebagai agensi tunggal bagi menyelaras dan mengurus aktiviti R&D&C&I agar lebih cekap dan tuntas. Kerajaan menyasarkan perbelanjaan kasar penyelidikan dan pembangunan kepada KDNK sebanyak 2.5 peratus, manakala sumbangan perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan sektor swasta kepada jumlah keseluruhan perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan R&D disasarkan sebanyak 70 peratus pada tahun 2025.

Dasar Inovasi Sosial akan diluncurkan pada November ini bagi menggalakkan daya cipta pada peringkat akar umbi. Usaha ini diharap dapat menanam keghairahan terhadap sains, teknologi dan daya cipta serta mampu melahirkan para saintis bertaraf dunia.

Reformasi struktur ekonomi akan dipercepat melalui HGHV 3: Industri Elektrik dan Elektronik (E&E) Bernilai Tinggi. Industri E&E negara yang menyumbang hampir 13 peratus dalam pasaran dunia bagi pengujian dan pempakejan cip akan diperkukuh untuk beralih ke rantai nilai yang lebih tinggi.

Selama ini, pembangunan industri E&E lebih tertumpu kepada aktiviti peringkat akhir (*back-end*) yang kurang memberi nilai tambah kepada sektor pembuatan. Mutakhir ini ialah *alhamdulillah*, aktiviti peringkat awal (*front-end*) yang bernilai tinggi seperti reka bentuk litar bersepadu, reka bentuk kejuruteraan dan fabrikasi wafer akan diberikan keutamaan.

Keputusan syarikat semikonduktor Infineon Technologies dari negara Jerman untuk meluluskan penambahan pelaburan berjumlah RM25 bilion di Malaysia pada bulan Ogos yang lalu bagi mengembangkan operasinya dengan penumpuan aktiviti peringkat

awal (*front-end*) yang terbesar di dunia merupakan isyarat positif buat negara. Kejayaan industri ini, Infineon akan melonjakkan Malaysia sebagai antara negara terawal yang akan mengeluarkan Karbid Silikon (SiC), wafer berteknologi termaju pada peringkat global.

Komitmen syarikat terkemuka seperti Tesla dan Samsung Engineering untuk melabur di Malaysia, mampu merangsang pertumbuhan ekonomi dan menjana pekerjaan berpendapatan tinggi buat rakyat. Kesediaan kita didorong dengan kebijakan kerajaan yang menggalakkan pembangunan industri E&E berhasil meningkatkan keyakinan syarikat besar kepada keupayaan teknologi Malaysia.

GHV 4: Pertanian dan Industri Asas Tani. Kerajaan kekal komited untuk mengukuhkan kemandirian dan keterjaminan makanan dan meningkatkan daya saing sektor agrikomoditi. Kemandirian pengeluaran makanan tempatan akan ditingkatkan melalui automasi dan pendigitalan agar berskala lebih besar dan berdaya saing.

Kecekapan pengurusan pengeluaran makanan akan dipertingkatkan untuk mengoptimumkan penggunaan tanah pertanian. Bagi menyokong usaha ini, kerajaan menggalakkan penyertaan sektor swasta untuk mempergiat kegiatan pertanian pintar. Langkah memperkasa amalan pertanian mampan, termasuk membangunkan modal pertanian rendah karbon akan dimulakan cara rintis dalam subsektor padi sebelum diperluas kepada subsektor lain.

Keterjaminan makanan akan terus diperkukuh melalui pelaksanaan projek pengeluaran pertanian moden berskala besar. Saya telah melancarkan projek penanaman padi lima musim dalam tempoh dua tahun di kawasan pertanian Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) Kedah dengan pelaburan sebanyak RM3 bilion. *[Tepuk]*

Di samping itu, pelaksanaan Projek Inisiatif Usahawan Tani (INTAN) dalam program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) akan dipergiatkan bagi mengurangkan kebergantungan kepada import makanan, mengukuhkan rantai bekalan makanan dan menggalakkan penerima gunaan teknologi dalam pertanian selain menoktahkan kemiskinan tegar.

Bagi memastikan industri getah negara terus berdaya saing, langkah diambil untuk mentransformasikan industri ini termasuk melalui penggalakan aktiviti hiliran. Industri hiliran getah Malaysia khususnya pengeluaran sarung tangan berada pada kedudukan pertama di dunia. Di samping itu, kerajaan akan menggalakkan penghasilan produk getah yang mempunyai nilai tambah yang tinggi serta memperhebat kegiatan pengkomersialan hasil R&D dan pemindahan teknologi bagi memperkasa industri getah negara.

GHV 5: Industri Nadir Bumi akan muncul sebagai sumber pertumbuhan baharu, berasaskan unsur nadir bumi, bukan radioaktif yang mampan dan mesra alam. Unsur ini diperlukan dalam pembuatan bateri super magnet dan alatan elektronik. Industri nadir bumi dijangka menyumbang sebanyak RM9.5 bilion kepada KDNK negara pada tahun 2025 dan mewujudkan hampir 7,000 peluang pekerjaan.

Bagi mencapai sasaran ini, Dasar Mineral Negara baharu akan diperkenalkan, dirangka bagi memacu pembangunan industri mineral yang menyeluruh berasaskan prinsip kemapanan dan kebertanggungjawaban. Kebijakan ini akan dijadikan panduan dalam melaksanakan aktiviti perlombongan dalam hutan simpan kekal, kawasan sensitif alam sekitar dan kawasan perlindungan.

Pemetaan terperinci sumber unsur nadir bumi dan model perniagaan menyeluruh yang menggabungkan industri huluan, pertengahan dan hiliran akan dibangunkan bagi mengekalkan rantai nilai nadir bumi di dalam negara. Oleh itu, kerajaan akan membangunkan dasar melarang eksport bahan mentah nadir bumi bagi mengelakkan eksploitasi, kehilangan sumber, lantas menjamin pulangan yang maksimum buat negara. *[Tepuk]* Langkah ini akan menggalakkan pemprosesan dalam negara dan memberikan hasil tambahan kepada negara.

Penegasan 3: Memacu Daya Saing Sektor dan Industri Strategik. *[Meneguk sedikit air]*

Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) merupakan kerangka dasar industri yang menyasarkan kemasukan pelaburan bernilai tinggi buat negara seperti aeroangkasa, elektrik dan elektronik, automotif, kimia dan farmaseutikal. NIMP 2030 menyasarkan sebanyak 33 juta peluang pekerjaan baharu untuk rakyat dengan gaji penengah setinggi RM4,510 sebulan pada akhir tempoh pelaksanaannya.

■1050

Sebagai pelengkap kepada NIMP 2030 dalam usaha mentransformasi dan memacu daya saing sektor dan industri strategik, kerajaan memberikan tumpuan kepada lapan segmen industri -

Pertama: Malaysia menjadi peneraju dalam pasaran halal antarabangsa dengan nilai eksport halal sebanyak RM63.1 bilion pada tahun 2025. *[Tepuk]* Tahap berikutnya, menjadi peneraju pasaran *halalan toyyiban*. Malaysia kini telah diiktiraf sebagai pengeluar sijil *halal certification* pada peringkat antarabangsa. Justeru, keupayaan industri *halalan toyyiban* negara akan terus dikembangkan bersama dengan pensijilan.

Usaha bagi mengasah bakat penyelarasan dalam kalangan pihak berkepentingan, peningkatan akses pasaran serta penerimgunaan teknologi dan pendigitalan produk dan perkhidmatan *halalan toyyiban* akan dipertingkatkan selaras dengan Pelan Induk Industri Halal. Produk yang diberikan tumpuan seperti farmaseutikal, peranti perubatan, busana Muslim (*modest fashion*) yang mempunyai nilai tambah yang tinggi dan menyediakan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi.

Kedua: Perkhidmatan global telah dikenal pasti sebagai industri strategik. Kerajaan akan merangka kebijakan yang menyeluruh, memudah cara perniagaan dan mewujudkan pangkalan data bagi menarik pelaburan bermutu tinggi dan membuka ruang seluasnya kepada syarikat tempatan untuk mendapatkan perkhidmatan sokongan.

Malaysia menjadi rumah kepada beberapa buah syarikat perkhidmatan global. Antaranya Endava PLC dari United Kingdom, Cognizant Technology Solutions US Corp dari Amerika Syarikat, Huawei Technologies (Malaysia) Sdn. Bhd. dari China, Ansell Global Trading Centre (Malaysia) Sdn. Bhd. dari Australia, Siemens Energy Sdn. Bhd. dari Jerman dan dijangka lebih banyak syarikat perkhidmatan global akan menyatakan minat untuk beroperasi di sini pada masa akan datang.

Ketiga: Kian jelas terlihat keretakan dalam kerangka kewangan antarabangsa (*a fractured international financial architecture*). Amalan sekarang mula disanggah oleh pakar ekonomi terkemuka kerana mengizinkan ketempangan, keterlanjuran dan kesenjangan kian melebar seperti laporan Oxfam pada tahun 2023 yang menyatakan dengan izin, *'The richest 1 percent grabbed two-thirds of 42 trillion dollars in new wealth created since 2020'*. Dengan maksud lain, disebut dengan pengalaman di Amerika Syarikat, 1 peratus golongan maha kaya melahap dua pertiga daripada keseluruhan USD 42 trilion kekayaan yang terhasil sejak tahun 2020.

Dalam soal kejatuhan mata wang, hakikatnya berlaku – Terkesan di seluruh dunia. Berbanding awal tahun ini, nilai semasa renminbi umpamanya telah menyusut sebanyak 6.1 peratus ketimbang dolar Amerika Syarikat. Yen menyusut lebih besar iaitu sebanyak 11.3 peratus berpuncu daripada kerangka kewangan dunia yang bergantung kepada dolar Amerika Syarikat. Malaysia turut terkesan dengan kejatuhan ringgit yang menyusut sebanyak 5.8 peratus.

Justeru, Malaysia akan lebih aktif dalam mengungkapkan penyelesaian berasaskan prinsip *maqasid syariah*, bermula dengan perbincangan bersama negara Asia mengenai pendekatan baharu yang selari dengan prinsip alam sekitar, sosial dan tata kelola (ESG) demi menawarkan sistem alternatif bagi penyelesaian yang lebih menyeluruh dan ampuh.

Sektor perbankan, takaful, pasaran modal Islam akan terus diperkasa untuk mendepani cabaran baharu bagi mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam global.

Pembangunan sektor kewangan Islam di Malaysia bermula sebagai produk alternatif kepada sistem kewangan konvensional yang tertakluk kepada tatanan

perbankan. Pendekatan ini bagaimanapun telah membataskan pencapaian hasrat *maqasid syariah* kerana penekanan yang diberikan selama ini terbatas kepada prinsip penolakan riba tanpa melihat objektif ekonomi Islam yang lebih menyeluruh, termasuk penegakan prinsip keadilan dan penyertaan rakyat yang lebih meluas.

Malaysia harus menerokai dasar dan memperkenalkan instrumen kewangan Islam baharu. Berdasarkan prinsip yang pernah diungkapkan oleh Imam Abu Ishaq al-Shatibi dalam *Al-Muwafaqat* sebagai "*al-nazar ilal ma'al*" [*Bercakap dalam bahasa Arab*] atau menjangka dampak yang akan terhasil daripada dasar produk, aset dan perkhidmatan dan mengukurnya.

Prinsip ini diangkat agar sistem kewangan Islam mampu berjalan seiring dengan sistem kewangan konvensional malah mampu menyainginya. Demikian juga yang disarankan oleh Imam al-Izz 'Abd al-Salam sebagai "*tahqiq masalihul 'ibad*" [*Bercakap dalam bahasa Arab*], yakni melunaskan dan membumikan kemaslahatan manusia keseluruhannya.

Bagi melanjutkan wacana ini, yang besar, kita telah mengajak negara-negara Islam dan pakar-pakar kewangan Islam untuk bersama dalam Persidangan Antarabangsa mengenai Ekonomi dan Kewangan Islam (ICIEF2023) ke-15 di Kuala Lumpur pada bulan Disember ini, *insya-Allah*. Persidangan ini adalah bagi mencerakinkan permasalahan dalam usaha Malaysia mempelopori peningkatan amalan sistem kewangan Islam yang syumul.

Selain itu, kerajaan akan mempergiat konsep perantaraan berasaskan nilai sebagai usaha memacu tumpuan baharu kepada penyelesaian pengurusan kewangan yang lebih mampan dan sejahtera. Inisiatif ini untuk menggalakkan lebih ramai pelabur runcit dan institusi turut serta dalam industri pengurusan dana Islam. Usaha ini akan menyediakan lebih pilihan kepada pelabur dan rakyat untuk terlibat dalam kewangan Islam.

Keempat: Industri aeroangkasa berupaya melonjakkan Malaysia sebagai negara berteknologi tinggi. Pembangunan industri ini akan ditumpukan kepada pembangunan kluster aeroangkasa bersepadu yang mampu menarik pelaburan berkualiti.

Seyogianya, kita berbangga dengan kejayaan daripada ujian rintis yang menggunakan bahan api penerbangan mampan. Susulan itu, lebih banyak usaha akan dilaksanakan untuk membangunkan teknologi dan ekosistem bagi penghasilan bahan api penerbangan mampan.

Usaha ini dijangka meningkatkan pertumbuhan industri untuk mencapai sasaran pendapatan sebanyak RM30 bilion pada tahun 2025. Yang paling utama, dapat menawarkan pekerjaan kemahiran dengan gaji yang lebih tinggi kepada rakyat.

Kelima: Pembangunan industri kreatif akan didukung sebagai industri strategik berimpak tinggi. Beberapa langkah diambil termasuk memperkukuh tata kelola, membangun analisis data raya berpusat serta membangunkan bakat kreatif tempatan bagi merencanakan lagi industri kreatif. Kerajaan juga menyediakan dana berjumlah RM346 juta dalam tempoh RMK-12 untuk menarik penglibatan golongan belia dalam aktiviti kreatif yang menawarkan pendapatan yang tinggi.

Keenam: Industri pelancongan yang terjejas teruk lantaran penguatkuasaan PKP akan kembali kukuh. Kerajaan akan menyegerakan proses pemulihan industri pelancongan dengan menambah baik langkah kerja kawal selia, menggalakkan pendigitalan dan mempromosikan pelancongan mampan yang berasaskan alam semula jadi. Pemulihan ini dapat dilihat berdasarkan peningkatan ketibaan pelancong kepada 9.2 juta pada suku kedua tahun 2023 dan dijangka mencapai sekurang-kurangnya 18 juta pelancong pada tahun 2023.

Ketujuh: Kerajaan memahami masih banyak perniagaan yang belum pulih sepenuhnya seusai pandemik COVID-19, terutamanya perusahaan mikro yang mudah terjejas yang merangkumi 79 peratus daripada keseluruhan PMKS di Malaysia. Seramai 7.25 juta guna tenaga PMKS telah terjejas susulan dampak pandemik ini. Kerajaan juga

terus memperkasa PMKS menerusi peningkatan skala perniagaan serta penyertaan dalam rantaian bekalan domestik dan global.

■1100

Kerajaan akan menyediakan RM60 juta dana pembiayaan peluang kedua kepada perusahaan kecil dan sederhana dan usahawan inovatif dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan untuk bangkit semula daripada kegagalan dan terus menyumbang kepada ekonomi negara.

Penerimgunaan teknologi dan pendigitalan serta peningkatan kegiatan R&D dan daya cipta akan digalakkan agar PMKS dapat meningkatkan produktiviti dan kekal berdaya saing. PMKS akan didorong untuk mematuhi keperluan ESG bagi menjamin penyertaan dalam rantaian bekalan global yang mampan.

Kelapan: Kerajaan akan memberikan penekanan kepada pembangunan infrastruktur pengangkutan dan logistik yang mampan dan berdaya tahan. Anjakan utama pengukuhan jaringan pengangkutan awam akan menyediakan akses dan ketersambungan yang lebih baik. Lebih ramai rakyat akan menikmati perkhidmatan pengangkutan awam yang semakin cekap, berdaya harap, mampu bayar dan selamat.

Antara projek pengangkutan baharu diperkenalkan termasuk:

- (i) peluasan perkhidmatan Bas Rapid Transit (BRT) dan bas dalam bandar termasuk di Johor Bahru dan Lembah Klang;
- (ii) naik taraf Lebuhraya Senai-Desaru;
- (iii) pelebaran Lebuhraya Utara-Selatan, dari Yong Peng ke Senai Utara secara berfasa;
- (iv) pembinaan Sarawak-Sabah Link Road II;
- (v) pembinaan Lebuhraya Pan Borneo Sabah Fasa 1B;
- (vi) projek Transit Aliran Ringan (LRT) Pulau Pinang;
- (vii) peluasan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang; *[Tepuk]*
- (viii) pembangunan semula Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang; *[Tepuk]*
- (ix) naik taraf Lebuhraya Timur-Barat dari Gerik, Perak ke Jeli, Kelantan; dan
- (x) naik taraf Jalan dari Tanah Rata ke Kea Farm, Cameron Highlands, Pahang. *[Tepuk]*

Selain itu, pembangunan pelabuhan baru di Pulau Carey, Selangor dijangka dapat mengukuhkan Pelabuhan Klang sebagai hab pemindahan kapal serantau. Kerajaan juga akan menambah baik kerja-kerja penyelenggaraan infrastruktur pengangkutan bagi memanjangkan jangka hayat jalan raya, aset rel dan peralatan navigasi udara.

Tuan Yang di-Pertua, Penegasan 4: Mempertingkatkan Potensi Ekonomi Wilayah.

Pembangunan wilayah lebih seimbang dan inklusif juga menjadi cita-cita Ekonomi MADANI. Usaha akan dipertingkatkan untuk mengoptimumkan potensi ekonomi wilayah berlandaskan empat perkara pokok –

Pertama: Potensi ekonomi wilayah akan dipertingkatkan berdasarkan kekuatan setempat. Kebijakan perindustrian mengikut geografi akan diberikan penekanan di samping menyediakan ekosistem perniagaan yang lebih baik bagi mempertingkatkan pembangunan di kawasan pertumbuhan yang dikenal pasti termasuk Projek Ladang Air Manis di Kulai, Johor dan Projek Taman Biopolimer Kerteh, Terengganu.

Kedua: Dalam usaha memperkasakan keselamatan, memperoleh manfaat daripada potensi pembangunan ekonomi rentas sempadan, kerajaan meluluskan peruntukan sebanyak RM1.1 bilion untuk tempoh 2023 hingga 2025. Ini bagi penyediaan

infrastruktur asas, peningkatan kemudahan keselamatan dan pelaksanaan kegiatan ekonomi di kawasan sempadan di Perak, Perlis, Kelantan, Kedah, Sabah dan Sarawak.

Ketiga: Pembangunan desa tentunya tidak akan dikesampingkan. Kerajaan bertekad untuk merapatkan nisbah jurang pendapatan antara desa dan bandar daripada 0.57 pada tahun 2022 kepada 0.67 pada tahun 2025. Dalam hal ini, kerajaan akan memperluaskan penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan, memanfaatkan potensi ekonomi desa dan memperkukuhkan penyampaian perkhidmatan untuk memastikan kesejahteraan penduduk di desa dan pedalaman.

Antara program dan projek baru yang akan dilaksanakan termasuk:

- (i) projek membina jalan dari Kampung Geddes melalui Sungai Kelai, Felda Palong, Jempol, Negeri Sembilan;
- (ii) projek membina jalan dari Kuala Linggi ke Ayer Molek, Masjid Tanah, Alor Gajah, Melaka;
- (iii) projek membina jalan dari Kampung Kuala Sungai Udang ke Pantai Murni, Yan, Kedah;
- (iv) projek membina Jalan Pintas Bukit Sagu ke Bukit Kuin, Kuantan, Pahang;
- (v) projek Jalan Perhubungan Desa Negeri Perak Fasa II;
- (vi) program Sokongan Pengukuhan Keusahawanan Luar Bandar (SPKLB) 2.0; dan
- (vii) program Pembangunan Keupayaan Komuniti Luar Bandar.

Pembangunan usahawan desa bagi meningkatkan kapasiti perniagaan melalui pelbagai program dan inisiatif selaras dengan keperluan industri setempat diteruskan. Produk kotej desa akan terus dipromosikan melalui Pusat Komuniti Desa manakala penggunaan platform e-dagang akan ditingkatkan untuk pasaran yang lebih baik.

Keempat: Pembangunan wilayah Sabah dan Sarawak akan terus diberikan tumpuan. Kerajaan telah membuktikan komitmennya untuk menangani isu-isu berbangkit daripada Perjanjian Malaysia 1963 (MA63). Antara komitmen yang diterjemahkan termasuk pelonggaran peraturan perolehan dan penyerahan kuasa kawal selia gas kepada Kerajaan Negeri Sabah pada Januari 2023, sementara penyerahan kuasa kawal selia elektrik dijangka dapat dimuktamadkan menjelang Januari 2024. Melalui penyerahan kuasa ini, Kerajaan Negeri Sabah memiliki wewenang untuk mengawal selia bekalan gas dan elektrik berdasarkan kepentingan negeri Sabah.

Projek pembangunan sistem TBB dan menaik taraf sistem bekalan elektrik di Gugusan FELDA Sahabat Sabah akan dilaksanakan bagi menambah baik daya harap bekalan elektrik di Sabah. Projek dengan kos sebanyak RM195 juta akan memanfaatkan rakyat di kawasan tersebut dan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM). Sabah mempunyai potensi yang besar dalam penjanaan TBB berasaskan solar dan biojisim bagi menangani tentangan dalam keperluan bekalan tenaga dan elektrik pada masa depan.

Kerajaan Negeri Sarawak telah mengambil langkah ke hadapan dalam peralihan tenaga melalui beberapa ikhtiar termasuk pengeluaran hidrogen, pemerangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon (CCUS) dan projek penjanaan elektrik menggunakan TBB. Kejayaan perancangan negeri Sarawak dalam pengurusan peralihan tenaga wajar diteladani oleh negeri-negeri lain. *[Tepuk]*

Dalam usaha meningkatkan kualiti sistem pendidikan Sabah dan di Sarawak, lebih banyak projek pembinaan semula sekolah daif dilaksanakan. Sehingga kini, sebanyak 64 projek sedang dalam pelaksanaan di Sarawak dan 43 projek di Sabah.

Bagi meningkatkan kemudahan kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan yang lebih saksama, sebuah Pusat Darah Wilayah akan dibina di Sabah, manakala Makmal Kesihatan Awam dan Makmal Keselamatan dan Kualiti Makanan akan dibina di Kuching, Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Tumpuan 2: Membangun Masyarakat Sejahtera. Kemajuan rakyat tidak sewajarnya diukur dengan pertumbuhan ekonomi semata-mata, sebaliknya harus mengambil kira aspek kesejahteraan secara menyeluruh. Untuk itu, dalam tumpuan kedua adalah bagi meningkatkan darjat hidup rakyat, kerajaan beriltizam untuk menjayakan empat penegasan -

Penegasan 5: Merapatkan Jurang Ketidaksamarataan.

Kesejahteraan rakyat menjadi matlamat utama kerajaan dan akan terus diperjuangkan seiring dengan ikhtiar untuk melonjakkan prestasi ekonomi. Kerajaan akan sentiasa bersikap prihatin terhadap rintihan rakyat, laksana "*condong ditumpil, lemah dianduh*". Justeru, lima perkara pokok dalam usaha untuk merapatkan jurang ketidaksamarataan telah dikenal pasti.

Pertama: Menyegerakan langkah membasmi kemiskinan dengan memperkasa golongan rentan melalui pewujudan pelbagai peluang pekerjaan dan pengukuhan perlindungan sosial. Sehingga 15 Ogos 2023, kerajaan masih bertungkus lumus menyelamatkan hampir 114,000 keluarga miskin tegar daripada cengkaman kemiskinan.

Demi menjamin kesejahteraan rakyat secara keseluruhannya, kerajaan berikrar untuk menoktahkan kemiskinan tegar pada tahun ini juga tanpa mengira etnik mahu pun keberadaan mereka di bandar, desa, dan pedalaman. [*Tepuk*] Sejumlah RM1.5 bilion telah diluluskan untuk menggerakkan program dan projek yang mampu menjana pendapatan bagi golongan sasaran.

■1110

Kerajaan juga telah melancarkan IPR, suatu inisiatif serampang dua mata yang menumpukan kepada peningkatan pendapatan isi rumah dan penyelesaian isu struktur ekonomi. Sehingga 31 Ogos 2023, sebanyak 106,492 permohonan telah diterima untuk menyertai program IPR. Selain itu, program akan diteliti oleh Amanah Ikhtiar bersama PEKEMAS, TEKUN dan program-program melalui Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri.

Di samping itu, pelbagai program dan inisiatif pembasmian kemiskinan sedang dan terus dilaksanakan oleh kerajaan. Antaranya, Program Pemerdayaan Ekonomi Komuniti Bandar, Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat untuk penduduk luar bandar dan Program Pembangunan Ekonomi Orang Asli.

Dalam kerangka Ekonomi Madani, pendekatan kita sesungguhnya merentas kaum, sama ada menoktahkan kemiskinan atau memperbaiki sekolah daif. Namun untuk peruntukan khusus, kerajaan juga melaksanakan Program Khas Bumiputera Sarawak dan Program Khas Anak Negeri Sabah untuk meningkatkan pendapatan masyarakat tempatan.

Bagi etnik Cina dan India yang berpendapatan rendah, beberapa inisiatif akan terus dilaksanakan di Kampung Baru Cina dan sebagaimana dalam *Malaysian Indian Blueprint*. Bagi tujuan ini, Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) akan diperkasakan untuk menyokong pembangunan sosioekonomi masyarakat India secara lebih terselaras.

Sebagaimana yang terzahir, keutamaan kerajaan tatkala ini adalah untuk 'menaikkan lantai' dengan menyediakan jaringan sosial yang ampuh buat golongan yang kurang bernasib baik, dan 'menaikkan siling' dengan mereformasi industri dan struktur ekonomi negara, waima berdepan dengan cabaran keterbatasan fiskal.

Kedua: Kerajaan akan memperkukuh penyediaan perlindungan sosial melalui Reformasi Perlindungan Sosial yang dikaji untuk menambah baik kecekapan dan keberkesanan Sistem Perlindungan Sosial. Bantuan tunai dan program Rahmah akan diteruskan dan ditambah baik bagi memastikan jaringan keselamatan sosial terus ditingkatkan.

Ketiga: Semua perancangan dalam agenda pemerdayaan bumiputera sebelum ini hanya memusatkan kayu ukur penyertaan bumiputera dalam ekonomi berdasarkan pemilikan ekuiti semata-mata. Selepas lima dasawarsa, pemilikan ini masih belum

mencapai sasaran 30 peratus yang ditetapkan. Maka, Ekonomi Madani melalui KSP RMKe-12, antaranya akan menilai semula pendekatan untuk mengukur tahap penyertaan dan kawalan ekonomi bumiputera yang lebih bermakna. Satu kongres ekonomi bumiputera akan diadakan pada Januari 2024 bagi menetapkan hala tuju dan pendekatan baharu agenda bumiputera yang lebih adil, saksama dan inklusif.

Ikhtiar bermakna bagi memperkasa bumiputera beranjak daripada tumpuan terhadap syarikat terpilih kepada program pengupayaan yang melibatkan lebih ramai usahawan dan lebih banyak syarikat bumiputera berskala kecil dan sederhana. Ini bagi melahirkan kelas pertengahan bumiputera yang dapat beralih daripada bergantung harap kepada gaji semata-mata kepada membina perniagaan yang meningkatkan pendapatan dan menambah nilai kepada ekonomi.

Syarikat bumiputera akan berpeluang untuk menerima manfaat sokongan pembiayaan daripada keseluruhan dana yang diperuntukkan oleh kerajaan kepada 16 agensi bumiputera, termasuk Majlis Amanah Rakyat (MARA), Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga Nasional (TEKUN), Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS), Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) dan Permodalan Nasional Berhad (PNB). Sokongan pembiayaan ini telah mencecah RM30 bilion sejak tiga Rancangan Malaysia terdahulu.

Pada masa yang sama, pegangan nomini yang tidak didedahkan pemilikan sebenar pula terus menunjukkan corak peningkatan yang ketara. Sehubungan dengan itu, saya ingin memaklumkan bahawa Akta Syarikat 2016 dan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 berkaitan pengisytiharan pemunya manfaat sedang disemak semula bertujuan untuk memperkukuh ketelusan pemilikan saham, selaras dengan penekanan kepada tatakelola yang baik dan agar saham tidak dipindahkan secara rahsia kepada pendukung-pendukung tertentu.

Keberkesanan peranan agensi mandat bumiputera seperti MARA, TERAJU dan EkuINAS akan dipertingkatkan melalui penjajaran semula strategi dan inisiatif pemerkasaan agenda bumiputera. Petunjuk Prestasi Utama (KPI) diwujudkan untuk menambah baik keberkesanan penyaluran bantuan dan sokongan bagi meningkatkan penglibatan bumiputera dalam kegiatan ekonomi. Usaha ini akan terus dipertingkatkan dalam membina kredibiliti agensi mandat bumiputera dengan memperkukuh integriti dan tatakelola.

Daya saing perusahaan bumiputera, terutama PMKS akan ditingkatkan melalui galakan untuk memanfaatkan platform digital dan teknologi kewangan (*fintech*) bagi mengembangkan perniagaan. Antaranya, program pendigitalan oleh MARA dengan peruntukan sebanyak RM40 juta membolehkan perusahaan bumiputera menerima guna teknologi dan pendigitalan dalam pengurusan perniagaan.

Dana wakaf akan diwujudkan menerusi kerjasama agensi berkaitan dengan Yayasan Wakaf Madani sebagai pendekatan baharu dalam membangunkan ekonomi Islam. Bagi memastikan keberkesanan pengurusan tanah wakaf seluruh negara, kerajaan akan memperkenalkan beberapa inisiatif serta menubuhkan Jawatankuasa Nasional Tanah Wakaf yang mampu menyumbang kepada 20 peratus pengembangan sektor kewangan sosial Islam menjelang 2030. Kerajaan juga akan mengenal pasti tanah-tanah terbiar dan meneroka penglibatan rakyat dalam membangunkannya.

Keempat: Kesejahteraan masyarakat desa, termasuk peneroka dan pekebun kecil, akan terus dibela melalui kajian semula pengukuhan fungsi dan peranan agensi berkaitan, terutama FELDA, FELCRA, RISDA dan MARA. Kerajaan memperkenalkan insentif khas Sumbangan Kesihatan Rahmah (SKR) sebanyak RM300 bagi warga peneroka berumur 65 tahun ke atas dan akan membina 12 buah pusat hemodialisis di semua kawasan FELDA dan di premis Yayasan FELDA di Kelana Jaya.

Dalam program FELDA Madani, para peneroka akan terus mempunyai peluang untuk menjana pendapatan yang lebih baik. Ini termasuk pelaksanaan program peningkatan keterjaminan makanan dan langkah drastik bagi membantu peneroka getah beralih kepada tanaman komoditi lain.

Kelima: Kerajaan bertekad untuk menyerlahkan potensi dan peningkatan kesejahteraan hidup belia. Pada suku kedua 2023, kadar pengangguran dalam kalangan belia berusia 15 hingga 24 tahun berada pada tahap yang membimbangkan, 10.7 peratus. Justeru, Pelan Kebangsaan Pemerkasaan Ekonomi Belia akan dilancarkan dengan tumpuan untuk meningkatkan kebolehpasaran belia bagi mereka yang menganggur dan terlibat dalam sektor pekerjaan tidak formal.

Mereka akan dilengkapi dengan ilmu dan kemahiran bagi meningkatkan potensi keterlibatan dalam kegiatan berkaitan teknologi yang dapat menjana pendapatan yang lebih tinggi. Inisiatif Rakan Muda yang telah diberikan nafas baharu akan dipergiat bagi memberikan tumpuan kepada peningkatan literasi demokrasi dan kegiatan permotoran selain membangunkan potensi belia yang merupakan pewaris masa depan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Penegasan 6: Meningkatkan Kesejahteraan dan Membudayakan Masyarakat Madani.

Kerajaan berhasrat untuk menjamin kesejahteraan rakyat dalam pengertiannya yang lebih syumul. Ini bermakna, kebijakan kerajaan tidak hanya bertumpu kepada aspek ekonomi dan pendapatan rakyat semata-mata, malah turut mencakupi sisi kesejahteraan yang lebih menyeluruh untuk mengangkat darjat dan martabat rakyat, dan ini termasuk aspek kerohanian, kesihatan, perumahan, perpaduan sosial dan pemerkasaan masyarakat, terangkum dalam enam perkara pokok.

Pertama: *Alhamdulillah*, pencapaian ekonomi kita yang memberangsangkan telah menyumbang kepada pembangunan materi dan kesejahteraan jasmani rakyat. Namun, kerajaan juga prihatin terhadap pembangunan kerohanian rakyat serta sentiasa istiqamah mendukung usaha yang mampu memugar keinsafan dan membangunkan sahsiah terpuji. Kerajaan proaktif menganjurkan wacana keagamaan di tanah air bersama-sama para ulama dan ilmuwan tersohor.

Melalui anjakan utama Pembudayaan Masyarakat Madani, dilaksanakan berlandaskan faham Maqasid Syariah, prinsip akhlak dan kerohanian. Pembudayaan masyarakat Madani ini akan mencakupi usaha menerapkan nilai insaniah dan sahsiah dalam perkhidmatan awam, sektor pendidikan serta menginstitusikan penyelidikan sosial. Semua program dan latihan dianjurkan akan memastikan kefahaman asas tentang Islam bagi umat Islam dan penekanan aspek nilai, budaya dan akhlak bagi rakyat Malaysia keseluruhannya.

■1120

Benar, kerajaan sedang bekerja keras dalam merencanakan ekonomi untuk mengembalikan negara ke landasannya. Namun kesejahteraan rohani rakyat adalah utama. Untuk itu, tidak akan mengabaikan tanggungjawab dalam menyuburkan hati nurani rakyat.

Kedua: Kerajaan bertekad untuk menambah baik mutu kesihatan. Kertas Putih Kesihatan yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia pada 15 Jun lalu menyasarkan reformasi untuk dilaksanakan dalam tempoh 15 tahun melalui anjakan utama pengukuhan perkhidmatan penjagaan kesihatan.

Sebanyak 1,200 buah klinik daif di seluruh negara akan dinaiktarafkan untuk tempoh 2023 hingga tahun 2025 bagi menjamin mutu perkhidmatan. Kerajaan bersetuju untuk menyejajarkan projek naik taraf fasa pertama Hospital Sultanah Aminah dengan anggaran kos sebanyak RM500 juta [*Tepuk*] bagi menangani masalah kesesakan yang telah sekian lama berlanjutan.

Kerajaan juga akan meneliti cadangan sewaan bagi memastikan mutu rawatan kesihatan yang terbaik buat rakyat menggunakan peralatan yang termaju dan berteknologi tinggi. Pelaksanaan rekod perubatan elektronik di hospital dan klinik kesihatan akan diperluaskan ke seluruh negara bagi memastikan perkongsian rekod perubatan yang lancar dan sistematik.

Liputan perlindungan kesihatan akan ditingkatkan melalui perluasan Skim Perubatan Madani bagi menzahirkan hasrat murni kerajaan dalam membantu golongan

kurang berkemampuan. Isu kesihatan mental yang semakin membimbangkan juga menjadi keutamaan. Kerajaan telah memutuskan untuk menubuhkan Institut Kesihatan Mental bagi menjamin usaha bersepadu antara kerajaan, swasta dan pertubuhan masyarakat sivil.

Ketiga: Negara kita akan beralih ke status negara menua pada tahun 2021. Apabila peratusan penduduk berusia 65 tahun dan ke atas mencapai tujuh peratus daripada jumlah penduduk berdasarkan takrifan PBB, tempoh dua dekad lagi negara dijangka beralih kepada negara tua apabila kohort umur yang sama mencapai 14 peratus daripada jumlah penduduk.

Peralihan ini tentunya memberi kesan kepada pembangunan sosioekonomi dan kedudukan fiskal negara. Kesan yang paling ketara ialah penurunan trend populasi pekerja, produktiviti dan peningkatan komitmen kewangan kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan penjagaan kepada ramai warga emas.

Bagi menghadapi cabaran dan dampak ini, kerajaan sedang membangunkan Rangka Tindakan Penuaan Kebangsaan. Saya mengajak semua pihak untuk bersama menggembeng tenaga menyesuaikan perancangan supaya kebijakan ini dapat dilaksanakan secara holistik demi pembangunan negara yang mampan.

Pusat geriatrik baharu akan ditubuhkan bagi menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti kepada warga emas. Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2018 sedang diperhalusi dan dijangka akan dikuatkuasakan pada tahun 2025.

Keempat: Perumahan. Kerajaan cakna dan menjadikannya sebagai agenda utama yang tidak boleh dikompromi. Harga rumah dan kadar sewa kian meningkat dan membebankan rakyat. Dengan penglibatan semua sektor awam dan swasta, sasaran kita untuk membina 500,000 unit rumah mampu milik dalam RMKe-12 yang masih di tahap yang lembap akan ditingkatkan. Sehingga akhir tahun 2022, hanya 108,373 unit rumah mampu milik yang telah dibina.

Bagi memudahkan rakyat mempunyai tempat tinggal yang selamat dan selesa, anjakan utama perumahan rakyat akan ditambah baik melalui peralihan daripada konsep pemilikan kepada konsep tempat tinggal. Maka skim sewa untuk beli akan diperluaskan bagi membolehkan lebih ramai kumpulan sasar dapat memiliki rumah. Inisiatif penyediaan tempat tinggal secara sewaan kepada golongan yang kurang berkemampuan di kawasan bandar utama yang telah dilaksanakan di beberapa buah tempat seperti di Johor dan Selangor akan dipertingkatkan lagi.

Projek rintis perumahan inklusif bandar ini akan dibangunkan untuk golongan sasar di bandar utama seperti Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, Selangor dan Pulau Pinang. Pembinaan ini melibatkan 800 unit rumah dengan pelbagai saiz ruang lantai bagi menampung keperluan golongan sasar yang berbeza. Tumpuan juga diberikan untuk meneroka potensi perkampungan persaraan yang inklusif.

Kelima: Semangat perpaduan harus disemai dan dipupuk berteraskan prinsip ihsan dan rahmah. Pelbagai ikhtiar tambahan termasuk penghayatan semangat Rukun Negara, Program perdana Kembara Perpaduan dan aktiviti perpaduan anak muda akan ditingkatkan. Kompleks Perpaduan Perlis akan dibina sebagai hab perpaduan zon utara yang memusatkan program dan jentera perpaduan termasuk operasi *mediator*, komuniti dan kawasan Rukun Tetangga serta taman bimbingan asuhan kanak-kanak. Beberapa pusat kegiatan perpaduan seluruh negara akan dinaiktarafkan bagi merencanakan kegiatan perpaduan dan kemasyarakatan.

Keenam: Langkah dirangka bagi memupuk keharmonian sosial yang lebih baik serta kehidupan yang selamat dan sihat untuk rakyat. Sukan terbukti berjaya memupuk perpaduan dan membina masyarakat yang aktif dan sihat. Rentetan itu, kerajaan akan melaksanakan lebih banyak program sukan pada peringkat komuniti dengan tambahan peruntukan RM40 juta kepada persatuan sukan, komuniti berdaftar bagi menganjurkan acara sukan. Untuk mempersiapkan pasukan atlet negara mencapai misi emas, *Road to Gold*, temasya Sukan Olimpik Paris 2024 dan Los Angeles 2028 akan terus diperhebat.

Tuan Yang di-Pertua,

Penegasan 7: Menambah Baik Bakat Tersedia Masa Hadapan.

Ikhtiar akan dipergiat untuk menstrukturkan semula pasaran buruh dan memperkukuhkan sistem pendidikan bagi menyediakan bakat tersedia masa depan. Anjakan utama ketersediaan bakat masa depan dilaksanakan berkaitan dengan gaji, levi pekerja asing dan kemahiran berterusan. Tumpuan adalah untuk tujuh perkara pokok.

Pertama: Ketidakpadanan kemahiran tahap gaji yang rendah dan peningkatan produktiviti yang perlahan merupakan isu pokok yang menghalang keupayaan Malaysia beralih kepada ekonomi berpendapatan tinggi.

Kerajaan telah mengumumkan beberapa langkah berani untuk memperkenalkan model gaji progresif yang memberikan manfaat bukan sahaja kepada golongan pekerja tetapi juga majikan. Dasar ini melibatkan peningkatan gaji, kemahiran dan produktiviti pekerja manakala majikan akan memperoleh faedah daripada peningkatan produktiviti, kesetiaan pekerja dan daya saing syarikat.

Kedua: Bagi memastikan peluang pekerjaan untuk warga tempatan dan peralihan kepada automasi dan mekanisasi, kebijakan pekerja asing tidak melebihi 15 peratus daripada jumlah tenaga kerja akan diteruskan. Kerajaan akan melaksanakan levi untuk pelbagai peringkat dalam masa terdekat.

Ketiga: Kerajaan mempergiatkan usaha memastikan kadar penyertaan tenaga pekerja wanita mencapai sasaran 60 peratus dalam tempoh 10 tahun. *[Tepuk]* Langkah untuk menggalakkan wanita kekal atau kembali bekerja akan ditingkatkan melalui penyediaan kemudahan dan sokongan yang diperlukan seperti penjagaan anak, insentif kewangan dan waktu bekerja fleksibel. Ini termasuk inisiatif MamaCare, insentif pusat jagaan kanak-kanak mampu bayar, *career comeback program* dan subsidi yuran taska di tempat kerja.

Wanita dalam ekonomi ihsan (*care economy*) akan turut diiktiraf sebagai usaha meningkatkan penyertaan mereka dalam pasaran tenaga kerja. Usaha ini boleh menangani cabaran penyusutan guna tenaga kesan daripada trend negara menua. Komitmen semua pihak termasuk swasta, masyarakat sivil melalui pendekatan keseluruhan negara dituntut untuk mencapai matlamat tersebut.

■1130

Keempat: Pemerkasaan orang kurang upaya dalam meningkatkan akses kepada pekerjaan akan diberikan penekanan. Maklumat mengenai pencari kerja dalam kalangan OKU akan disepadukan dalam portal *MYFutureJobs*. Manakala Prosedur Operasi Standard Pengambilan OKU dalam perkhidmatan awam akan ditambah baik lagi bagi mencapai sasaran satu peratus OKU dalam perkhidmatan awam.

Kelima: Kerajaan beriltizam untuk mengislahkan Sistem Pendidikan Negara bagi melahirkan bakat tersedia masa depan. Pendidikan karakter, sahsiah yang menyokong Konsep Karamah Insaniah akan diperkenalkan melalui pendekatan sistematik dan holistik. Diharap dapat membangunkan jati diri murid ke arah menjadi bakat global yang dilengkapi dengan ilmu, beretika dan berakhlak mulia.

Pembangunan pendidikan berteraskan manusiawi secara holistik, Karamah Insaniah akan disokong dengan pembentukan modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM). Pendidikan Tingkatan Enam akan terus diperkasa melalui penjenamaan semula kepada kolej prauniversiti. Kerajaan terus memastikan bahasa Melayu yang merupakan bahasa kebangsaan dimartabatkan dalam sistem pendidikan sesuai dengan kedudukan dalam Perlembagaan Persekutuan di samping mempertingkatkan penguasaan bahasa asing sebagai wahana pembinaan tamadun.

Sekolah model khas seperti Sekolah Komprehensif 9 (K9), Sekolah Komprehensif 11 (K11) akan diperbanyakkan bagi memberi peluang anak-anak dalam kalangan peribumi dan Orang Asli dari kawasan pedalaman dan pulau terpencil mendapat akses kepada pendidikan. Inisiatif Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih untuk kanak-kanak warga

terpinggir dan ketiadaan dokumen pengenalan diri juga akan diperluas. Kerajaan cakna dengan isu keciciran murid dalam sistem pendidikan. Isu ini akan ditangani secara tuntas melalui pembangunan Sistem Pengesanan Murid Cicir Bersepadu.

Bagi meningkatkan mutu pendidikan negara, Dasar Pendidikan Digital akan diluncurkan bagi melahirkan murid berkemahiran digital dalam era Revolusi Industri 4.0. Manakala DPD adalah bagi melahirkan murid fasih digital yang berdaya saing menerusi peningkatan pengetahuan, kemahiran dan nilai. Antara inisiatif utama DPD adalah pelaksanaan Program Latihan Peningkatan Kompetensi Digital Pendidikan, penambahbaikan kurikulum, Program Pendidikan dan perwujudan Pasukan Jauhari Pendidikan Digital.

Keenam: Kerajaan komited memperkasa Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Dalam hubungan ini, tenaga pengajar TVET akan digalakkan untuk menjalani latihan kemahiran dan latihan kemahiran semula bagi melengkapkan mereka dengan pengetahuan yang seiring dengan perkembangan teknologi baru muncul.

Bagi meningkatkan kerjasama antara kerajaan bersama GLC dan syarikat swasta dalam transformasi program TVET, inisiatif menggalakkan penglibatan industri dalam pelaksanaan program TVET telah diberi keutamaan. Sehingga Julai tahun ini, sebanyak 43 memorandum persefahaman telah dimeterai antara kerajaan dan sebanyak 14 buah GLC dan 29 buah syarikat swasta melibatkan 12 buah kementerian berkaitan TVET. Memorandum ini merangkumi skop kerjasama seperti sumbangan kepakaran, peralatan, pembangunan kurikulum dan penajaan latihan.

Kerajaan menyediakan RM40 juta bagi Program Bina Kerjaya iaitu program peningkatan kemahiran (*upskilling*) untuk pekerja tidak formal termasuk pekerja gig dengan kelayakan SPM dan ke bawah. Kerajaan percaya keputusan untuk mengkaji peningkatan gaji lepasan TVET mampu mengubah persepsi masyarakat terhadap TVET sebagai laluan kerjaya.

Menyedari hampir 50 peratus lepasan SPM tidak menyambung pelajaran, kerajaan telah membuka ruang kepada anak-anak muda ini untuk mula menceburkan diri lebih awal dalam sektor pembuatan sebagai pekerja berkemahiran dengan gaji berpatutan. Kerajaan melalui inisiatif akademik dalam industri akan menyediakan dana khusus sebanyak RM209 juta untuk usaha penyediaan insentif elaun penempatan. Seramai 50,000 orang anak muda kita disasarkan mendapat pekerjaan berkemahiran dengan Sijil Kemahiran Malaysia pada akhir RMKe-12.

Ketujuh: Usaha memantapkan pembudayaan masyarakat dan pembangunan modal insan madani melalui penyerapan Konsep Karamah Insaniah dalam kalangan masyarakat akan diperluas. Konsep ini memberi penekanan kepada aspek pembentukan akhlak dan sahsiah. Ini bagi membentuk jati diri dan melahirkan generasi yang berdaya tahan serta berdaya saing.

Tuan Yang di-Pertua, Penegasan 8: Memperkukuh Keselamatan dan Pertahanan Negara.

Keselamatan dan kedaulatan negara akan terus dipertahankan bagi menjamin keamanan dan kesejahteraan rakyat dan negara. Kerajaan akan memberi tumpuan kepada tiga perkara pokok bagi memperkasa kubu negara.

Pertama: Anjakan utama pengukuhan keselamatan dan pertahanan negara. Masyarakat mensyaratkan agar ketirisan dalam tatacara perolehan aset segera ditangani bagi menjamin kesiapsiagaan pertahanan negara. Kerajaan akan meneruskan usaha pencegahan jenayah dan rehabilitasi bagi meningkatkan kedudukan Malaysia dalam Indeks Keamanan Global.

Kerajaan melipatgandakan usaha untuk terus memperkasa dan memodenkan Angkatan Tentera Malaysia yang bertugas sebagai benteng keselamatan negara. Kerajaan bersetuju untuk memperkukuh kesiapsiagaan pertahanan melalui perolehan aset tambahan seperti kenderaan perisai, dron, *littoral mission ship*, helikopter dan pesawat tempur ringan.

Seluruh sistem perolehan telah dirombak untuk menetapkan supaya bekalan senjata yang diperlukan ditentukan oleh kepakaran berkaitan tentera, mengelak daripada ketirisan dan dalam kebanyakan urusan akan menerusi pendekatan G2G dengan negara masing-masing dan tidak melalui ejen-ejen.

Kedua: Mengoptimumkan kawalan keselamatan di sempadan melalui beberapa projek seperti:

- (i) naik taraf pusat kawalan operasi dan pembinaan baru pangkalan operasi Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia;
- (ii) naik taraf Sistem Penguatkuasaan Maritim Laut dan menara radar penderiaan jauh;
- (iii) naik taraf dan pembinaan baharu Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan di pintu masuk terpilih;
- (iv) pembinaan baharu pos keselamatan ATM di sepanjang sempadan Sabah dan Sarawak dengan Indonesia; dan
- (v) pembangunan pangkalan baru tentera laut di Bintulu, Sarawak.

Ketiga: Kerajaan akan terus memerangi jenayah siber yang semakin berleluasa. Hampir 55,000 kes jenayah siber dengan nilai kerugian mencecah RM1.8 bilion dilaporkan dalam tempoh 2021 hingga Julai 2023. Kerajaan akan meminda undang-undang sedia ada bagi meningkatkan keberkesanan memerangi kegiatan jenayah siber.

Tumpuan 3: Memperkukuh Kemamanan dan Tatakelola. Dalam usaha mengangkat martabat negara, kerajaan beriltizam untuk mengukuh kemamanan dan tata kelola negara bagi mengembalikan keyakinan menerusi empat penegasan.

Penegasan 9: Mempercepat Peralihan Kepada Ekonomi Kalis Cabaran Masa Hadapan.

Amanah yang digalas pada hari ini untuk menjamin keseimbangan alam sekitar, memulihara sumber semula jadi, menangani cabaran bencana alam dan memastikan keberlangsungan flora dan fauna telah terpateri dalam rukun pertama Malaysia Madani.

Justeru, sebagai langkah awal Malaysia membulatkan tekad untuk memastikan Pelepasan Gas Rumah Kaca bersih sifar seawal tahun 2050 bagi mengurangkan dampak negatif perubahan iklim. Dalam konteks ini, penekanan diberikan kepada keperluan untuk menyokong prinsip peralihan yang saksama (*a just transition*) ke arah ekonomi hijau, adil dan inklusif. Peralihan kepada ekonomi kalis cabaran masa hadapan, kerajaan memberi tumpuan kepada tujuh perkara pokok iaitu-

Pertama: Melaksanakan pembangunan rendah karbon, bersih dan berdaya tahan, mengurus sumber asli dengan cekap serta memperkukuh pemboleh daya untuk melonjakkan kemamanan. Inisiatif yang akan dilaksanakan termasuk penggubalan perundangan mengenai perubahan iklim untuk mengawal selia pelaksanaan kebijakan bagi memenuhi kewajipan perubahan iklim negara.

■1140

Rangka kerja menyeluruh disediakan bagi mempercepat peralihan kepada ekonomi kitaran yang dapat menjamin ketahanan ekonomi jangka panjang. Kerajaan sedang melaksanakan Kajian Harga Karbon untuk menilai ketersediaan negara bagi melaksanakan cukai karbon dan sistem perdagangan karbon.

Kedua: Kepentingan untuk mengurus biojisim dengan cekap bukan sahaja demi menangani isu perubahan iklim tetapi juga dimanfaatkan sebagai sumber ekonomi baharu. Kerajaan akan mempermudah pembinaan hab bahan mentah biojisim serta akses pembiayaan.

Ketiga: Air. Air merupakan sumber asasi dalam kehidupan. Seperti mana dalam Al-Quran [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] “Dan Kami jadikan segala sesuatu hidup berasal daripada air. Maka, mengapa mereka tidak beriman?” Surah Al-Anbiya’, ayat 30. Menyemangati ibrah ini, kerajaan tidak sesekali akan berlengah untuk menyelesaikan

gangguan bekalan air yang dihadapi oleh rakyat. Umpamanya, “*Condong yang akan menongkat, rebah yang akan menegakkan*”. Ini dibuktikan dengan langkah terbaharu kerajaan bersetuju menyalurkan bantuan segera RM807 juta. Sebahagian daripada kos keseluruhan RM5 bilion bagi mengatasi masalah gangguan bekalan air di Kelantan dan Sabah. [Tepuk]

Kerajaan akan memulakan langkah untuk mereformasi modal industri air di seluruh negara agar lebih mampan dan holistik. Ini berhubung kait dengan air tidak berhasil (NRW) yang masih menyelubungi beberapa buah negeri yang menjadi tentangan kepada penyediaan bekalan air yang cekap kepada rakyat. Tekanan terhadap keperluan kos yang sangat besar untuk mengatasi masalah banjir.

Dalam RMKe-12, kerajaan telah memberi komitmen untuk membiayai projek tebatan banjir dengan kos mencecah RM22 bilion. Keperluan peruntukan begitu besar bagi mengatasi masalah rakyat ini memberikan kewajaran untuk rakyat menguruskan isu air dan banjir secara holistik dan bersepadu.

Maka, kerajaan akan turut meneroka kawasan bersesuaian bagi pengabstrakan sumber air bawah tanah dengan membina lebih banyak telaga tiub dan pembinaan empangan bawah tanah. Usaha akan digembleng untuk menyediakan sungai air mentah yang mencukupi melalui projek Takungan Air Pinggiran Sungai. Penerokaan sumber baharu air dan pembinaan infrastruktur air akan memastikan keterjaminan bekalan air bersih dan selamat selaras dengan Agenda Transformasi Sektor Air tahun 2040.

Keempat: Tindakan tidak bertanggungjawab sebahagian pihak yang melepaskan sisa tercemar ke dalam sungai telah menggugat keamanan dan menjejaskan rantai makanan serta mengancam kesihatan penduduk. Usaha pembersihan dan pemulihan air akan mengambil masa dan menelan kos. Justeru itu, akta berkaitan pencemaran sumber air dan juga industri perkhidmatan air akan dikaji semula agar hukuman yang setimpal terhadap pihak yang bertanggungjawab. Usaha ini bagi menjamin keamanan sumber dan perkhidmatan air bersih.

Kelima: Kerajaan prihatin dengan bencana banjir dan tanah runtuh yang acap kali berlaku. Usaha diteruskan untuk melindungi rakyat bagi memantau tahap keberkesanan sistem amaran awal bencana tsunami, banjir dan tanah runtuh misalnya, Pusat Bencana Geologi Negara akan ditubuhkan pada akhir tahun ini. Pusat ini bertujuan meningkatkan kecekapan tindak balas bencana demi memastikan keselamatan rakyat.

Dasar Pengurusan Bencana Negara bawah kawal selia Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) akan disemak semula untuk memperkukuh kesiapsiagaan dan meningkatkan keupayaan dalam pengurusan bencana.

Keenam: Usaha khusus bagi melindungi spesies Harimau Malaya (*panthera tigris jacksoni*) yang kini kian terancam akan dipertingkatkan. Malaysia merupakan satu-satunya ranah habitat Harimau Malaya di dunia. Maka, Inisiatif ini penting bagi memastikan keseimbangan ekosistem agar keamanan alam terjamin. Penguatkuasaan dalam menangani jenayah pemburuan haram, memperluas kawasan perlindungan, serta memberdaya komuniti tempatan akan diperhebat. Ini termasuk gajah, orang utan, penyu, seladang dan tapir.

Ketujuh: Kerajaan akan mempertingkatkan usaha memperluas pelaksanaan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) pada peringkat tempatan dan memperkasa kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan komuniti setempat. Prinsip ESG yang merangkumi dasar dan rangka kerja awal kawal selia serta khidmat sokongan akan dibangunkan bagi menggalakkan perniagaan, khususnya PKS untuk menerima pakai amalan perniagaan yang mampan.

Penegasan 10: Meningkatkan Keamanan Fiskal.

Pembaharuan diperlukan bagi memastikan pengurusan kewangan negara lebih berkesan dan mampan. Kerajaan menggalas tanggungjawab penuh untuk mengukuhkan semula keamanan fiskal melalui anjakan utama keamanan fiskal dan sistem Kewangan. Tumpuan dalam lima perkara pokok.

Pertama: Memperluas asas cukai, mempelbagaikan sumber cukai serta menambah baik pentadbiran percukaian menerusi penggunaan teknologi. Antara jenis cukai baharu yang sedang digubal untuk dilaksanakan pada tahun 2024 adalah Cukai Keuntungan Modal.

Namun harus ditegaskan, kerajaan berkhidmat demi rakyat dan tidak sesekali membebankan rakyat dengan ketetapan cukai di luar kemampuan mereka. Prinsip yang kita angkat ialah pemerataan ekonomi yang adil demi kesejahteraan seluruh rakyat.

Kedua: Antara prinsip *maqasid syariah* dalam tatakelola adalah untuk memastikan bahawa perolehan dibuat secara teliti dengan syarat jelas tanpa terselindung. Kelulusan dibuat secara tergesa-gesa tanpa penelitian hanya akan merugikan negara dan membazirkan wang rakyat.

Umpamanya, kerajaan telah berhasil menjimatkan lebih RM2 bilion perbelanjaan projek tebatan banjir menerusi pelaksanaan tender ketimbang pendekatan rundingan terus sebelum ini. Maka, dasar perolehan kerajaan akan terus memberikan penekanan kepada kaedah tender terbuka bagi menjamin nilai dan mutu terbaik serta ketelusan perolehan.

Ketiga: Kerajaan prihatin terhadap kekhuatiran sebahagian rakyat terbeban akibat kos sara hidup yang semakin menekan. Maka, mekanisme penyampaian subsidi bersasar sebagai satu daripada anjakan utama Ekonomi MADANI diteruskan. Amanah untuk membela rakyat khususnya rakyat yang kurang berkemampuan. Justeru itu, mekanisme subsidi bersasar bertujuan memastikan nasib golongan tersebut terbela dan mendapat limpahan manfaat daripada bantuan yang disalurkan.

Penstrukturan semula subsidi elektrik, diesel dan petrol serta bantuan sosial lain akan dilakukan demi memastikan pengurusan fiskal lebih berhemat dan mengurangkan herotan ekonomi. Jaminan diberikan bahawa rakyat yang kurang bernasib baik kekal menjadi keutamaan dan kerajaan untuk diselamatkan dan akan terus dibantu dan tidak akan tertekan dengan perubahan-perubahan ini.

Pengagihan subsidi dan bantuan secara bersasar kepada rakyat diselaraskan melalui Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) yang berteraskan data isi rumah bagi meningkatkan kecekapan dan pemantauan bantuan kerajaan. Penjimatan daripada subsidi yang lebih bersasar akan dapat diagihkan semula bagi tujuan projek pembangunan dan program rakyat.

■ 1150

Keempat: Usaha harus dipergiat bagi menambah baik pengurusan hutang dan liabiliti ke arah mencapai sasaran defisit fiskal hingga 3.5% kepada KDNK atau lebih baik *insya-Allah* pada tahun 2025. Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal akan dibentangkan pada sesi Parlimen bulan depan. *[Tepuk]*

Kelima: Sebagai memperkukuh kemapanan fiskal, kerajaan sedang meneliti semula rencana pembangunan negara termasuk mengkaji dasar kerjasama awam swasta (PPP) bagi memastikan pelaksanaan projek memanfaatkan rakyat dan negara, menggalakkan pelaburan swasta dan mengawal kesan kewangan kepada kerajaan. Dasar PPP yang jelas mengenai kaedah pertukaran tanah juga akan diperkenalkan secara telus.

Penegasan 11: Mempertingkatkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam.

Semasa dunia dilanda krisis ekonomi, yakni *The Great Depression*, John Maynard Keynes dalam bukunya, *Essays in Persuasion* telah menukulkan mengenai "*magneto [alternator] trouble*", dengan izin. Menurut beliau, "*no matter how powerful the economic engine is, it will not perform well as long as one crucial part is malfunctioning*", yakni tidak kira betapa kuatnya enjin ekonomi, ia tidak akan berfungsi dengan baik selagi sebahagian pentingnya rosak.

Enjin utama ialah jentera kerajaan yang bertanggungjawab dalam perkhidmatan awam, harus berfungsi secara optimal. Segala visi dan hala tuju yang lunak yang kita

gariskan. Pelan perindustrian, transisi energi, ekonomi Madani tidak akan dapat di terjemah sekiranya perkhidmatan awam masih di takuk di tahap lama.

Maka, kecekapan penyampaian harus ditingkatkan, sementara isu melibatkan tata kelola serta penyelarasan diselesaikan dengan segera, selaras dengan firman Allah SWT dalam tuntutan *islah* [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*]. Betul kah?

Seorang Ahli: Betul.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: *"Aku hanya bertujuan hendak memperbaiki sedaya upayaku; dan tiadalah aku akan beroleh taufik untuk menjayakannya melainkan dengan pertolongan Allah. Kepada Allah jualah aku berserah diri dan kepada-Nyalah aku kembali"*. (Surah Hud, ayat 88)

Iltizam kerajaan untuk melaksanakan islah dalam perkhidmatan awam dapat dirumuskan kepada empat perkara pokok. Pertama: Memperkenalkan dua anjakan utama, Tatakelola dan Rangka Kerja Institusi, dan Perundangan Berkaitan Rasuah. Kerajaan komited untuk memulihkan imej Malaysia pada peringkat antarabangsa, mengangkat darjatnya sebagai negara yang bermaruah dan antirasuah.

Untuk itu, Akta Tatakelola Sektor Awam dan Pelan Integriti akan diperkenalkan sebagai panduan tatakelola bebas rasuah kepada semua entiti, baik dalam sektor awam mahupun swasta. Kerajaan *insya-Allah* telah menyasarkan kedudukan ke-25 teratas buat Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah sedunia dalam tempoh 10 tahun.

Kedua: Sebagai penambahbaikan aspek perundangan dan penguatkuasaan, kerajaan juga menekankan pengukuhan jati diri dan akhlak dalam diri setiap warganegara. Pentingnya pendidikan kesedaran antirasuah yang dikembangkan pada semua peringkat usia. Sementara itu, agenda mempromosi dan mendidik masyarakat mengenai nilai-nilai murni demi membina sahsiah terpuji akan terus direkayasa.

Ketiga: Bagi memperkemas jentera perkhidmatan awam, Pasukan Petugas Khas Reformasi Sektor Awam (STAR) ditubuhkan bagi membantu menyelesaikan urusan yang tertangguh dan menyegerakan pelaksanaan projek serta penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

STAR telah berjaya melaksanakan projek rintis mengurangkan kesesakan serta tempoh menunggu pesakit di Zon Hijau Jabatan Kecemasan dan Trauma, Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang, Selangor dan akan diperluas kepada hospital lain. Tempoh kelulusan pas ekspatriat telah dikurangkan daripada 87 hari kepada hanya lima hari untuk syarikat yang memenuhi kriteria, manakala kaedah pembayaran tanpa tunai bagi menangani rasuah akan diperluas.

Keempat: *Alhamdulillah*, Malaysia terus unggul sebagai antara negara Asia yang paling berdaya saing dalam persaingan global. Kerajaan turut menyasarkan Malaysia untuk menduduki tangga ke-20 teratas dalam subindeks Kecekapan Kerajaan dalam *IMD World Competitiveness Yearbook* pada akhir tempoh RMKe-12.

Bagi memperluas akses perkhidmatan awam kepada rakyat, kerajaan telah beralih kepada pendigitalan perkhidmatan yang diungkapkan sebagai Kerajaan Berteknologi Termaju (GovTech), bawah anjakan utama Industri Berasaskan Teknologi dan Digital. Inisiatif ini mampu menjimatkan kos, masa dan tenaga, serta berhasil menunjukkan penerimaan yang positif dan mencatat kemajuan dalam penyampaian.

Inisiatif Kemudahan Rakyat (IKR) misalnya, membolehkan permohonan dibuat secara terus dalam talian. Sehingga 31 Ogos 2023, sebanyak 3,776 permohonan IKR telah diterima. Penggunaan Identiti Digital Nasional secara rintis bagi pengesahan identiti yang selamat dan terpelihara dijangka akan dilancarkan pada tahun 2025.

Aplikasi MYJalan yang baru dilancarkan memudahkan rakyat untuk membuat aduan mengenai kerosakan jalan kepada kerajaan. Aplikasi ini telah menerima lebih 1,000 aduan. Ini merupakan petanda positif bahawa keterlibatan rakyat secara proaktif dalam gembengan tenaga bersama kerajaan akan menghasilkan jaringan jalan raya yang lebih selamat dan bermutu.

Penegasan 12: Mempertingkatkan Kecekapan Pelaksanaan dan Pemantauan.

Kerajaan, sebagai kerajaan yang cekap dan tangkas mesti bekerja untuk memenuhi harapan rakyat, menepati ciri-ciri *al-Qawiy al-Amin* (berdaya saing dan berintegriti) dan *Hafizun Alim* (pelindung yang beramanah dan berilmu). *Insyallah*, Kerajaan Perpaduan akan melaksanakan strategi dan inisiatif yang direncanakan dalam KSP RMKe-12 secara teratur, bersistematik dan bertanggungjawab. Tiga perkara pokok yang perlu diberikan perhatian.

Pertama: Bersama-sama memastikan setiap anggota Kabinet memantau pelaksanaan projek RMKe-12 agar rakyat mampu mengecapi nikmatnya tanpa berlengah. Pelan bagi pemantauan pelaksanaan kebijakan KSP RMKe-12 disediakan sebagai panduan kepada setiap kementerian dan agensi. Sebahagian daripada sasaran KSP RMKe-12 dijadikan KPI kementerian. Jawatankuasa Khas Pemantauan KSP RMKe-12 ditubuhkan.

Kedua: Bagi projek-projek yang telah lama diluluskan, termasuk projek dalam Rancangan Malaysia terdahulu, namun belum dapat dimulakan dalam tempoh masa yang munasabah, maka akan dibatalkan. Ini bertujuan memberikan laluan kepada projek-projek rakyat yang lebih mendesak.

Ketiga: Ingin saya mengajak semua anggota dalam kerajaan, termasuk anggota pentadbiran dan Ketua Jabatan, agar kita sama-sama melaksanakan tanggungjawab dengan jujur dan amanah. Bagi memastikan peristiwa salah laku dan teguran audit yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tidak berulang.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. *Insyallah* kita akan terus mengambil pendekatan aktif mendengar dan melibatkan rakyat, menerima teguran supaya pelaksanaan RMKe-12 dapat dijalankan dengan memuaskan dan membantu kita dalam merangka RMKe-13. Kita baru lagi menyambut Hari Kemerdekaan, Hari Kebangsaan pada 31 Ogos dalam beberapa hari lagi kita bersama Semenanjung Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak bersama sambut Hari Malaysia. Mudah-mudahan semangat membangunkan negara, memacu pertumbuhan ekonomi akan dapat kita laku bersama untuk faedah negara dan rakyat.

■1200

Tuan Yang di-Pertua, saya usulkan. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

[Tepuk]

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa perbahasan ke atas usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas ini akan bermula pada hari Selasa 12 September 2023. Oleh yang demikian, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan hingga jam 10 pagi, hari Selasa 12 September 2023. Sekian, terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 12.00 tengah hari]